AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 34 | RABU 21 OGOS, 1985. | رابو 4 ذوالحجه 1405 | PERCUMA

## Kebawah D.Y.M.M utus tahniah pada Presiden Republik Korea dan Presiden Rep. Indonesia

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Chun Doo-Hwan, Presiden Republik Korea bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Korea yang jatuh pada 15 Ogos, 1985.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Soeharto, Presiden Republik Indonesia bersempena dengan Hari Ulang Tahun yang ke-40 Hari Kemerdekaan Republik Indonesia pada 17 Ogos, 1985.

## PENGECUALIAN VISA

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah bersetuju mengecualikan visa kepada warganegara-warganegara berikut untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam berasaskan timbal balas dengan peraturan tertentu seperti di bawah bermula 1 September, 1985.

1 **WARGANEGARA-WARGANEGARA JEPUN, PERANCHIS, SWITZERLAND, REPUBLIK KOREA DAN KANADA**

Mereka yang mempunyai surat perjalanan yang sah akan diberikan pengecualian visa dalam tempoh tidak lebih daripada 14 hari.

Visa adalah dikehendaki jika tujuan kemasukan mereka ke negara ini untuk bekerja atau melawat bagi tempoh melebihi 14 hari.

2 **RAKYAT UNITED KINGDOM (TIDAK TERMASUK RAKYAT BRITISH SEBERANG LAUT DAN RAKYAT TANAH-TANAH JAJAHAN BRITISH)**

Mereka yang mempunyai surat perjalanan yang sah akan diberikan pengecualian visa dalam tempoh tidak lebih daripada 30 hari.

Visa adalah dikehendaki jika tujuan kemasukan mereka ke negara ini untuk bekerja atau melawat bagi tempoh melebihi 30 hari.

3 Walau bagaimanapun, pengecualian visa itu adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:—

a) Memiliki tiket atau bukti dokumen per-

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Menteri Pelajaran Republik Maldives, Tuan Yang Terutama Tuan Mohamed Zahir Hussain di Istana Nurul Iman pada hari Selasa lepas (gambar atas).

Dalam istiadat mengadap itu, Tuan Yang Terutama diiringi oleh Pemangku Pengarah Institut Pendidikan Republik Maldives, Tuan Abdul Hameed Abdul Hakeem.

Hadir sama ialah Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

## Persembahan konsert

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu persembahan konsert oleh Stuttgart Youth Chamber Orchestra akan diadakan di Dewan Raya RTB pada hari Isnin 26 Ogos mulai jam 7.30 malam.

Persembahan tersebut dianjurkan oleh Persatuan Musik Brunei bersempena dengan Tahun Belia Antarabangsa.

Persembahan konsert tersebut mengandungi lagu-lagu popular dari Eropah dan Negara Brunei Darussalam. Tarian dan lagu-lagu asli Brunei yang pernah ditunjukkan di Jepun dalam bulan lalu juga akan dipersembahkan pada malam itu.

Tiket-tiket berharga $25.00 boleh dibeli dari Perpustakaan Musik Brunei, Sheraton Utama Hotel dan Kaptan Manap, Perkhemahan Bolkiah.

Menurut Pengerusi Persatuan Musik Brunei, sebahagian dari hasil jualan tiket dari persembahan konsert tersebut akan didermakan kepada Tabung Anak-Anak Yatim.

## Hubungan persahabatan semakin erat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Mr Lee Won Kyung, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Republik Korea sempena Hari Kebangsaan ke-40 negara tersebut pada 15 Ogos 1985 dan kepada Tuan Yang Terutama Profesor Dr Mochtar Kusumaatmadja, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia sempena Hari Kemerdekaan ke-40 Republik Indonesia pada 17 Ogos 1985.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berangkat ke majlis tersebut dengan dialu-alukan oleh TYT Duta Besar Republik Indonesia, Tuan Zuwir Djamal. Gambar oleh Harun Rashid.

Duli Yang Teramat Mulia dalam perutusan tahniahnya kepada Tuan Yang Terutama Mr Lee Won Kyung antara lain melahirkan rasa puas hati mengenai dengan hubungan persahabatan dan kerjasama yang erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea dan berharap semoga perhubungan itu akan sentiasa berterusan di masa-masa akan datang.

Dalam ucapan tahniahnya kepada Profesor Dr. Mochtar Kusumaatmadja Duli Yang Teramat Mulia berharap agar persahabatan dan hubungan yang rapat di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia akan terus dapat diperkukuhkan lagi di masa hadapan sesuai dengan keinginan kedua buah negara.

Lihat muka 2

### MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA Shafaa dan Marwa adalah sebahagian dari syi'ar Allah. Maka barangsiapa yang beribadat haji ke Baitullah atau berumrah, maka tidak ada dosa baginya mengerjakan sa'i antara keduanya. Dan barangsiapa yang mengerjakan satu kebajikan dengan kerelaan hati, maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan lagi Maha mengetahui." — Makna ayat 158 Surah Al-Baqarah.

Pelita Brunei

21 OGOS, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PERPADUAN ASAS KESEJAHTERAAN RAKYAT

KEBERUNTUNGAN negara kita dalam menjalani kehidupan sehari-hari dalam suasana yang sajahtera dilingkungi oleh kemantapan sosio-politik yang sihat serta kemajuan ekonomi adalah berpunca dari sikap perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk negara ini yang sentiasa memberi sokongan yang berterusan dalam setiap usaha kerajaan.

Sesungguhnya perpaduan itu kita lihat dari sikap rakyat serta penduduk negara ini yang tidak kendur-kendurnya mengawal serta memelihara kepentingan perpaduan itu kerana dengan adanya perpaduan itu memungkinkan kita semua hidup dalam keadaan yang selesa, rahmat dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala.

Tidak syak lagi perpaduan itu mendatangkan kebajikan kepada kita semua dan negara kita baik sebelum kita mampu selepas kita mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat dengan konsep kenegaraan Melayu Islam Beraja.

Perpaduan itu juga membolehkan kita hidup dalam keadaan yang terjamin serta meyakinkan kerana dalam keadaan sosio-politik dan ekonomi yang mantap kita berupaya untuk membuktikan kewibawaan kita dalam memikul tanggungjawab sepenuhnya sesuai dengan taraf negara merdeka di samping kesediaan kita menerima pelbagai cabaran. Tentu saja cabaran-cabaran yang bakal kita tempuh akan dihadapi dengan tabah serta tenang di samping jadi dorongan yang kuat untuk kita semua kekal bersatu padu dalam penghayatan konsep Melayu Islam Beraja. Kitalah yang menegakkan konsep ini maka kita jua yang memelihara serta menghayatinya, ia milik kita bersama.

Perpaduan kita adalah perpaduan dalam semangat muhibah dan niat yang berkebajikan yang sama-sama merasa berkepentingan dalam memantapkan serta memajukan negara ini dan tentu saja penghayatan konsep kenegaraan itu ialah dalam bentuk penghayatan yang sempurna bagi faedah kehidupan kita sebagai satu bangsa dengan mempunyai identiti yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala dan dihormati oleh sesama manusia.

Perasaan muhibah dan niat berkebajikan itu memang sudah sekian lama kita amalkan. Dan hal ini kian ketara dari sehari ke sehari dengan hasrat kita untuk menjadi bangsa yang berhemah tinggi serta tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang tidak diingini. Beruntung kita tergolong sebagai suatu bangsa yang taat dalam berugama, setia dan taat kepada raja dan sentiasa mendukung setiap usaha-usaha kerajaan maka jadilah kita rakyat yang cintakan rukun damai, hormat-menghormati, bersopan santun lagi beradap.

Perpaduan rakyat itu dikukuhkan lagi dengan sikap kepimpinan raja kita yang sentiasa memeduli kesejahteraan rakyat dan negara ini serta adanya kerajaan yang sentiasa berkhidmat bagi kebajikan serta kesejahteraan kita semua.

Adalah diyakini kita mempunyai sebab untuk menaruh harapan yang gemilang agar perpaduan rakyat ini akan sentiasa kita pelihara kerana pengalaman bagaimana negara ini telah dapat dibangun serta dimajukan tidak sepatutnya akan jadi ristaan semata-mata, bahkan yang pentingnya pengalaman itu akan difahami, dipelajari dan kemudian dipertingkatkan sesuai dengan niat kita untuk melihat perpaduan dinikmati jua oleh generasi kita yang akan datang yang tentunya masih lagi akan berlindung di bumi yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

# LAWATAN T.Y.T. MENTERI PELAJARAN REPUBLIK MALDIVES

TUAN Yang Terutama Tuan Mohamed Zahir Hussain, Menteri Pelajaran Republik Maldives, telah mengadakan lawatan muhibah ke negara ini pada 12 Ogos.



TUAN Yang Terutama Tuan Mohamed Zahir Hussain menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Dayang Hajjah Azizah semasa lawatan Tuan Yang Terutama itu ke IPSHB. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.



SEMASA di Muzium Menteri Pelajaran Republik Maldives berkesempatan melawat Pameran Tradisi Kraft Tangan Puak-Puak. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

Oleh Ahat Ismail

Tuan Yang Terutama diiringi oleh Tuan Abdul Hameed Abdul Hakeem, Pemangku Pengarah Institut Pendidikan Republik Maldives.

Dalam rangka lawatan tersebut, Tuan Yang Terutama telah diperkenankan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Terdahulu sebelum itu Tuan Yang Terutama telah membuat kunjungan ke Kementerian Pelajaran dan Kesihatan di Berakas serta mengadakan perbincangan mengenai perkembangan pelajaran dengan Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Menteri Pelajaran Republik Maldives itu juga berkesempatan mengunjungi Jabatan Hal Ehwal Ugama di ibu negara serta diberikan taklimat mengenai perkembangan Ugama Islam di negara ini oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain.

Semasa berada di negara ini Tuan Yang Terutama Tuan Mohamed Zahir Hussain, telah mengadakan beberapa siri lawatan ke maktab-maktab dan sekolah-sekolah bagi meninjau perkembangan pelajaran di negara ini.

Di samping melawat maktab-maktab dan sekolah-sekolah, Tuan Yang Terutama juga berkesempatan mengunjungi Muzium di Kota Batu serta Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Subuk.

Lawatan muhibah selama tiga hari itu antara lain bertujuan bagi mengeratkan hubungan kedua buah negara, selain meninjau secara dekat mengenai sistem pelajaran di sini.



DALAM rangka lawatan tiga hari ke negara ini TYT Menteri Pelajaran Republik Maldives berkesempatan membuat kunjungan hormat kepada YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan. Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



TUAN Yang Terutama Tuan Mohamed Zahir Hussain memerhatikan seorang penuntut sedang mengukir sebuah lapik pinang daripada perak. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

# Hubungan persahabatan

Dari muka 1

Negara Brunei Darussalam, sabda Duli Yang Teramat Mulia telah menyaksikan bahawa sejak Republik Indonesia mencapai kemerdekaannya 40 tahun yang lalu sudah banyak kemajuan yang dicapai untuk menjadikan Republik Indonesia sebuah negara yang aman dan makmur di rantau ini.

"Adalah menjadi harapan Negara Brunei Darussalam supaya Republik Indonesia akan terus menikmati kemakmuran dan kestabilan sejajar dengan aspirasi dan cita cita rakyat Republik Indonesia keseluruhannya," sabda Duli Yang Teramat Mulia selanjutnya.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dengan penuh tulus ikhlas mengucapkan setinggi tahniah dan salam sejahtera bagi kemakmuran dan kesejahteraan Kerajaan serta rakyat Republik Indonesia sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke 40 Republik tersebut.

Bersempena dengan Hari Kemerdekaan ke-40 Republik Indonesia itu Kedutaan Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam telah mengadakan satu majlis sambutan yang berlangsung di Bilik Orang-Orang Kenamaan Stadium Negara Hassanal Bolkiah di Berakas pada hari Sabtu lepas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menghadiri majlis tersebut.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ke majlis itu sebagai wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Amat Mulia Second Lieutenant Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin, Grand Chamberlain.

Juga hadir termasuklah diplomat-diplomat asing, pegawai-pegawai kanan Kerajaan serta jemputan khas yang lain.

# PLPS AKAN ADAKAN PERTUNJUKAN PERTANIAN PADA 25 OGOS

Oleh Fatimah Mohd. Daud

PUSAT Latehan Pertanian Sinaut akan mengadakan Pertunjukan Pertanian yang akan berlangsung pada hari Ahad 25 Ogos depan bertempat di Pusat Latehan Pertanian Sinaut, Tutong. Pertunjukan itu diadakan adalah bagi memperingati 10 tahun tertubuhnya pusat tersebut.

Sejarah ringkas Pusat Latehan Pertanian Sinaut kembali ke tahun 1965 di mana ia dikenal dengan nama STESEN PERTANIAN SYARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI (BSP). Tujuan menubuhkan pusat ini adalah untuk menjalankan kajian dalam perusahaan pekebun kecil sebagai satu sumbangan dalam pertanian kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia daripada Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad. Dengan detik permulaan pusat ini pada tahun 1965, tanah seluas 54 ekar di Batu 21 Kampong Sinaut diusahakan dan dikendalikan oleh Syarikat Minyak Shell Brunei secara persendirian.

Pada tahun 1975, satu persetujuan telah dicapai di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad untuk menubuhkan sekolah pertanian di mana pusat ini dipilih bagi maksud tersebut. Dan pada tahun inilah juga pusat ini ditubuhkan dengan gabungan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Syarikat Minyak Shell dengan mengubah nama Pusat Latehan Pertanian Sinaut.

Dengan perkembangan dan modenisasi Negara Brunei Darussalam di bidang teknologi, perkembangan dan modenisasi di bidang pertanian adalah sama mustahaknya. Ini dapat dicapai dengan aturcara pelajaran pertanian yang intensif bagi kakitangan Pejabat Pertanian dan orang awam. Malahan ini telah dicapai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pertanian dengan mengadakan kursus-kursus pertanian dan melalui perkhidmatan pengembangan.

### KEMAJUAN

Dengan tertubuhnya Pusat Latehan Pertanian Sinaut, berbagai kemajuan telah dicapai. Antaranya ialah kursus peladang muda, kursus pertanian, kursus teknik pertanian, kursus Diploma Kebangsaan Pertanian dan projek-projek pertanian dan penilaian. Dalam aspek ini, kejenteraan memainkan peranan yang penting yang melengkapkan spektrum kejuruteraan pertanian yang luas.

### PELADANG MUDA

Kursus ini adalah bagi melatih anak-anak muda tempatan untuk menjadi peladang sepenuh masa. Mereka mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang dipertuan Negara Brunei Darussalam. Kursus ini mengandungi kerja-kerja teori dan praktik. Kerja-kerja teori ialah penelitian tentang jenis-jenis tanah yang terdapat di Brunei, memperkenalkan jenis-jenis cuaca, penumbuhan tanaman dan binatang-binatang dan panduan bagi menggunakan jentera dan pemeliharaannya.

### KURSUS TEKNIK PERTANIAN

Kursus dua tahun ini adalah dihasratkan bagi pengeluaran tanaman dan ternakan yang mencukupi bagi keperluan negara. Mata Pelajaran di bidang ternakan, tanaman-tanaman dan kejenteraan memberikan peluang kepada pelatih-pelatih untuk memahirkan diri mereka di bidang teknikal.

### KURSUS DIPLOMA KEBANGSAAN PERTANIAN

Kursus dua setengah tahun ini bermaksud bagi melatih anak-anak tempatan di bidang teknikal. Pengambilan penuntut yang pertama ialah pada bulan Jun 1983 manakala pengambilan yang kedua ialah pada bulan Jun 1984 dan pengambilan ketiga pada Mei 1985. Pada bulan Jun 1984 penuntut-penuntut pertama telah melaporkan diri bagi mengikuti Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian dalam Kejuruteraan Pertanian.

Kursus ini adalah kursus kelolaan pusat ini dengan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan dinilai oleh Business and Technical Education Council of The United Kingdom. Pada masa ini pusat ini sedang melatih 44 orang penuntut bagi Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian dan 12 orang penuntut bagi Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian dalam Kejuruteraan Pertanian.

### PROJEK-PROJEK PERTANIAN

Di samping melatih , projek-projek lain seperti pemeliharaan kerbau pengubahansuaian jentera bagi mengambil alih kerja-kerja yang dibuat dengan parang juga dijalankan. Bagitu juga hasil tumbuhan tanpa menggunakan tanah yang diberi nama 'HYDROPONICS', juga dijalankan.



PUSAT Latihan Pertanian Sinaut adalah merupakan Institusi Pertanian yang ditubuhkan di negara ini.

Pada masa ini sebanyak satu ratus lapan belas peladang muda dan 68 ahli telah lulus dari Pusat Latehan Pertanian Sinaut. Bagi menampung kedua Kursus Kebangsaan Pertanian dan Kursus Diploma Kebangsaan dalam Kejuruteraan Pertanian, kursus dalam perkhidmatan juga diadakan. Ianya adalah untuk guru-guru sains, guru-guru sekolah rendah, anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang bersara dan orang-orang cacat dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

Dengan tertubuhnya Pusat Latehan Pertanian Sinaut ini berbagai kejayaan yang telah dicapai terutama sekali dari segi kebolehan anak-anak tempatan kita yang mahir di bidang pertanian dan sempena dengan sepuluh tahun tertubuhnya pusat tersebut, pusat ini akan mengadakan pertunjukan pertanian yang terbuka kepada kunjungan orang ramai.

Antara acara-acaranya ialah pertandingan hasil pertanian, jualan bunga dan buah-buahan, pameran pertanian dan tayangan gambar video.

# Pameran-pameran sempena Hari Keputeraan

Oleh Abd Karim HAB
Gambar Haji Sharbini Pg Haji Yaakub

BERAKAS. — Pameran Urusan Rumahtangga, Bunga-Bunga Hidup, Seni Foto dan Lukisan serta hasil Pertukangan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah diadakan serentak dan dipusatkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada hari Ahad lepas.

Di tahun-tahun lepas, acara-acara ini biasanya diadakan berasingan dan dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan dan jabatan-jabatan kerajaan tertentu.

Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun, Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin dalam ucapan perasmiannya memuji langkah tersebut yang melambangkan persefahaman dan kerjasama yang erat di antara pertubuhan dan jabatan-jabatan kerajaan yang menganjurkannya.

Dalam bahagian urusan rumahtangga, ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kerajinan tangan dan masakan. Bahagian kerajinan tangan terdiri dari renda, sulaman dan rekaan bunga-bunga.

Manakala bahagian masakan pula terdiri dari kek, biskut, kuih-kuih kering, dodol, keropok, acar dan serunding.

Peraduan bunga-bunga hidup pula yang terbuka kepada orang ramai di Daerah Brunei-Muara dibahagikan kepada tujuh bahagian dan disertai oleh 39 peserta di samping pertunjukan dari Jabatan Pertanian.

Persatuan Seni Lukis dan Persatuan Fotografi Brunei juga bergabung tenaga mengadakan peraduan dan pameran seni foto dan lukisan.

Menurut jurucakap di pameran itu, pihaknya telah menerima lebih 100 buah lukisan dari 30 orang pelukis. Manakala dalam bahagian seni foto pula, mereka menerima lebih 30 keping gambar dari lebih kurang 15 orang peserta. Sementara dalam bahagian slaid terdapat 15 orang peserta yang masing-masing menghantar sekeping slaid.

Pameran Hasil Pertukangan Orang-Orang Banduan yang dikendalikan oleh Jabatan Penjara dan hasil pertukangan orang-orang cacat yang diusahakan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan yang ditempatkan dalam satu dewan adalah yang paling menarik ramai pengunjung di pameran selama empat hari itu. Ianya terdiri barang-barang anyaman dari rotan, almari dan set kerusi meja.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad memerhatikan sebahagian dari jenis masakan yang dipamerkan pada hari itu (atas). Sebahagian orang ramai yang menyaksikan hasil-hasil pertukangan tangan yang diusahakan oleh orang-orang banduan (bawah).





AWANG Haji Mohammad bin Haji Seruddin mendengar penerangan dari seorang pegawai pertanian mengenai bunga-bunga yang dipertandingkan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS......Siri ke-290

# PUAK BATINIYYAH

SIRI KE-17

MEREKA berkata bahawa iman-iman mereka mengetahui perkara ghaib, dan Allah Taala telah memberitahu akan darihal Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam firman-Nya Surah Al-A'araf ayat 188 yang bermaksud:

"Dan kalau aku mengetahui (perkara-perkara) yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah," bagaimana telah lalu tafsirannya bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tiada mengetahui perkara ghaib (melainkan dengan kehendak Allah).

Ketahuilah bahawa iman mereka tiada ada hanya pada sebutan lidah mereka, bahkan ada nama tetapi bendanya tiada, dari itu dari mana ia boleh memansuhkan syariat Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dari mana ia hendak mengetahui perkara ghaib, semuanya itu bohong dan hunar mereka.

Ketahuilah bahawa mereka mendakwa dan mengaku ada imam-imam mereka dan mereka dengan dusta berhubung nasab dengan imam-imam mereka, itu hanya hendak putar belitkan dan ilhad keluar dari ugama Islam, padahal di sisi mereka bahawa Sayidina Ali dan anak-anaknya adalah sama dengan orang lain kedudukan mereka di sisi mereka. Pada suatu masa mereka ada di Bandar Kuffah dan mereka melihat ke pihak barat dan berkata seorang daripada mereka apa bangunan ini? Jawab seorang daripada ketua-ketua mereka: "Ini kubur pelayan kepada pelayan Khadijah (menyindir kubur Sayidina Ali yang ada di Kuffah di tempat bernama An-Najaf, bagaimana kita telah ziarah makam Sayidina Ali Karamallahu wajhah).

Mereka beriktikad pada ahlil bait itu bahawa adalah syaitan manusia dan berhala disembah. Laknatullahu Alaihim.

Kata mereka bahawa imam mereka naik pangkat lebih tinggi, dan Al-Imam (Al-Qaim) bangun rohnya sahaja, dan makhluk kembali kepadanya dengan roh mereka sahaja, dengan kata mereka begitu adalah suatu jalan kepada membatalkan kembali manusia dengan bangkit dari kubur dan berhimpun dengan jasad dan rohnya bersama-sama bagaimana iktikad umat Islam.

8. Corak kufur mereka kedelapan: Setengah dari dalil menunjukkan kufur mereka iaitu iktikad mereka dalam perkara ma'ad dan hari kiamat, iaitu mereka membatalkan adanya hari kiamat, sebagaimana rupa yang diiktikadkan umat Islam, dan cara yang diketahui dengan yakin daripada ugama Islam.

Pada membatalkan ma'ad mereka berkata bahawa manusia itu pada masa kemudian dikembalikan di atas suatu lembaga dan pahala dan azab siksa itu terkena roh bukan pada badan manusia, cakap mereka begitu adalah menolak zahir nas-nas Al-Quran, barangsiapa menolak satu dari nas Al-Quran maka ia telah menjadi kafir.

9. Corak kufur mereka kesembilan: Setengah dari tanda menunjukkan kufur mereka, bahawa iktikad mereka bahawa alam ini qadim yakni tiada ada permulaan bagi wujudnya, kadang-kadang mereka kata alam ini hadis erti wajib ada alam ini dengan wujud perkara yang lain, bukan ertinya alam ini ada setelah ia tiada, bagaimana iktikad orang Islam.

10. Corak kufur mereka kesepuluh: Bahawa iktikad mereka bahawa manusia itu jadi dari kesan bintang-bintang yang tujuh, sebagaimana kata-kata orang-orang ahli Batiniyyah sebagaimana kata-kata orang-orang ahli nujum dan orang-orang ahli Batiniyyah telah lalu sebutannya.

Kita tanya mereka jikalau bintang-bintang itu mentadbirkan kejadian manusia, siapa pula mentadbirkan bintang-bintang itu, kerana bintang-bintang itu tiada bernyawa, tiada berkuasa, tiada berkehendak dan tiada berilmu, kerana pentadbir itu mestilah ia hidup dan ada lain-lain sifat. Jika mereka berkata bahawa bintang-bintang itu hidup, maka syara' dan akal menolak dakwaan mereka.

11. Corak kufur mereka kebelas: Setengah dari perkara kufur mereka, ialah perkataan mereka dan iktikad mereka, bahawa tiap-tiap bagi yang zahir itu ada batinnya iaitu hakikat dan rohnya dan isinya yang dikehendakkan daripadanya, sebagaimana selalu kita sebutkan, semuanya itu menolak dan menentang apa-apa yang diketahui dari ugama Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah sabit adanya, kerana Nabi kita Sallallahu Alaihi Wasallam sembahyang hingga bengkak kedua tapak kaki Baginda dan Baginda berjuang dan berjihad pada Sabilullah sehingga patah gigi hadapan Baginda dan Baginda beribadat kepada Allah Taala dan Baginda puasa dan bersembahyang malam sehingga Baginda wafat. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Hijar ayat 99 yang bermaksud: *"Dan sembahlah Tuha-Mu, sehinggalah datang kepadamu (perkara yang tetap) yakin."*

Dan Surah Al-Mudathir ayat 47 bermaksud: *"Sehingga kami didatangi oleh (perkara yang tetap) yakin."*

Begitu juga Baginda menyuruh umat Islam beribadat dan menegah mereka dari meninggalkan perkara yang zahir, dari perkara ibadat dan lain-lain hukum dan ajaran dan Baginda memerangi orang-orang yang meninggalkan perkara-perkara zahir itu daripada umat Islam. Dan Baginda bersabda yang ertinya: *"Kita umat Islam menghukumkan mengikut zahir sesuatu."*

Perkara-perkara yang kita sebutkan ini terang dalam ugama Islam, tiadalah syak barangsiapa menolak suatu ibadat yang telah sabit adanya dalam Islam, nescaya ia kafir dan murtad, bagaimana pula hukum orang yang menolak segala hukum-hukum syariat Islam dari halal dan haramnya. Ketahuilah bahawa tujuan mereka dengan berkata bahawa tiap-tiap zahir itu ada batinnya, ialah membuat jalan hendak keluar dari ugama dan meloncat dari ugama Islam.

Mereka berkata apabila ditanggalkan dari berdalil dengan menggunakan bahasa Arab, maka sesungguhnya telah dapat ditinggalkan dari berdalil dengan Quran semuanya sekali.

Kerana berpegang dengan zahir ayat-ayat Al-Quran dan zahir hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagai perisai mempertahankan diri dengannya dan apabila ditinggalkan yang zahir Quran dan hadis, maka semua orang boleh berkata apa-apa jua ia suka dan itu ialah tujuan sebenar mereka. La'nahumullahu Taala.

Apabila tuan pembaca ketahui akan hal ini, maka ketahuilah bahawa boleh dibuat dalil di atas kufur mereka dengan sebilangan ayat Al-Quran dan sebilangan hadis-hadis kerana barangsiapa menolak satu dari bilangan ayat dan hadis itu dari perkara yang telah maklum dalam ugama Islam, nescaya ia kafir dan mereka orang-orang puak Batiniyyah itu telah menolak segala ayat-ayat Quran dari awal hingga akhirnya, begitu segala hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka lazimlah mereka kufurkan 6,235 dalil mengikut banyak bilangan ayat Al-Quran dan kufurkan 100 ribu atau satu million dalil mengikut banyak hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dahulu saya berkata boleh dikufurkan orang-orang puak Batiniyyah dengan 100 dalil, maka setengah orang yang mendengar telah menolak perkataan saya itu. Sekarang saya hendak menerangkan kepada orang yang menolak perkataan saya itu, hendaklah ia ketahui bahawa berdalil 100 itu pada mengkufurkan Batiniyyah itu tiada jauh dan tiada dikatakan berlebih-lebihan.

12. Corak kufur mereka keduabelas: Setengah dari dalil di atas kufur mereka iaitu kata-kata dan syair-syair mereka yang kufur itu, mereka berkata: *"Apabila orang Mukmin itu telah naik ke pangkat yang lebih tinggi dari darjat iman itu (setelah bertambah-tambah kufur) maka tiadalah berhajat lagi kepada beramal ibadat, dan berehatlah tiada puasa, tiada sembahyang, tiada haji, tiada berjihad pada jalan Allah (Fi Sabilillah), dan tiadalah haram di atasnya sesuatu pun dari makanan, minuman, pakaian dan perempuan."* Kata mereka: *"Bahawa alam dunia ini dan isinya menjadi harta tawanan kepada kamu dan semua alam ini semuanya hamba kamu dan perempuan-perempuannya, hamba-hamba sahaya kamu, dan harta mereka terpulang kepada kamu."* Mereka berdalil dengan Al-Quran Surah Al-A'araf ayat 32 yang bermaksud *"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya."*

Padahal mereka tiada percayakan Al-Quran, bagaimana mereka berdalil dengannya. Itu cuma mengaburkan mata orang yang dungu sahaja. Kata mereka *"Pelik bagi orang berakal berugama, mempunyai anak perempuan dan saudara perempuan maka ia beri kepada orang lain, sepatutnya bagi orang dungu itu dialah yang lebih utama dengan anak perempuan dan saudara perempuannya."* Cuba lihat orang-orang Majusi adakah dilarang mereka daripada anak-anak perempuan? Cuba lihat Adam dan Hawa dan anak-anak mereka bernikah dengan saudara perempuan, ini rupa ejek-ejekkan mereka kepada orang Islam. La'natullahu Alaihim.

13. Corak kufur mereka ketigabelas: Telah sabit dengan tawatur (sekata) bahawa seseorang daripada pengikut-pengikut mereka apabila melakukan kesalahan atau melampau salah maka dia datang kepada ketua mereka dan penolong-penolong ketua mereka, dia sujud kepadanya dan dia berkata: *"Himpunkan kesalahan hamba,"* maka ketua itu menjawab: *"Aku telah ampunkan kesalahan kamu."*

Tuan lihat apakah sesuatu syirik menyekutukan Allah lebih dari perbuatan mereka berkuasa memberi ampun dan sujud kepada ketua mereka.

14. Corak kufur mereka keempatbelas: Mereka mengikat sumpah dan membuat perjanjian tiada membocorkan hal-ehwal mereka kepada lain golongan dan mereka berpendapat wajib mengambil sumpah dan mengikat perjanjian dan tujuan sumpah dan mengikat perjanjian ialah: Menyembunyikan hal-ehwal mereka daripada lain golongan orang.

Dalil menunjukkan salah dan batil perkataan mereka, iaitu telah diketahui sabit adanya dari ugama Islam iaitu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar ugama Islam kepada semua orang yang datang hendak belajar Islam dan tiada diketahui Baginda membuat sumpah dan mengikat perjanjian pada mengajar orang yang datang hendak belajar ugama Islam itu, hanya Baginda mengambil perjanjian setelah Baginda menerangkan ajaran Islam, supaya orang-orang yang telah belajar ugama Islam itu berpegang dan beramal dengannya dan menyuruh berbuat perkara-perkara ma'ruf dan menegah daripada mengerjakan perkara-perkara mungkar dan salah dan menyuruh berjihad Fi Sabilillah. Dan tiada diketahui sekali-kali bahawa Baginda membuat perjanjian sebelum menerangkan Islam itu atau menyuruh menyembunyikan ajaran Islam itu.

Jikalau boleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan harus Baginda menyembunyikan sesuatu dari perkara ugama atau sesuatu ayat Al-Quran, nescaya Nabi Allah sembunyikan firman Allah dalam Surah Al-Ahzab ayat 37 yang bermaksud: *"Sambil engkau menyembunyikan dalam hatimu perkara yang Allah akan menyatakannya. Dan engkau pula takut kepada (cacian) manusia padahal Allah jualah yang berhak engkau takuti (melanggar perintah-Nya)."*

Jikalau tuan pembaca mengetahui hal ini, maka ketahuilah bahawa perkara yang benar itu wajib dinyata dan diterangkan, ialah menurut ayat Al-Quran Surah Ali Emran ayat 187 yang bermaksud: *"Dan ingatlah ketika Allah mengambil perjanjian setia daripada orang-orang yang telah diberikan Kitab, iaitu kepada umat manusia dan jangan sekali-kali kamu menyembunyikan-nya."*



Ayat ini menyuruh nyatakan apa perintah Allah dan wahyu-Nya kepada manusia dan firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 159 yang bermaksud: *"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk hidayat, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam kitab suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk."*

Dalam ayat ini Allah Taala melaknat, mengutuk orang-orang yang menyembunyikan keterangan-keterangan Allah dan hidayat Allah setelah Allah terangkan kepada manusia (erti laknat Allah iaitu menghalau akan orang itu dari rahmat ihsan kemurahan Allah Taala).

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya: *"Barangsiapa ditanya akan darihal sesuatu masalah alam, maka ia sembunyikan maka dikekang mulutnya dengan kekang api neraka."*

Orang yang benar tiada menyembunyikan perkara yang benar dan iman, dan orang yang menyembunyikan itu ialah orang yang menyembunyikan kufur dan kejahatan, kerana telah maklum bahawa pencuri itu bersembunyi daripada manusia dan berlindung di bawah gelap malam, dan dalam kesibukan supaya jangan orang melihat akannya, kerana orang penipu dia takut dan jika ada orang melihat akan dia, dia suruh bersumpah supaya sembunyikan perkaranya, maka orang batiniyyah pencuri ugama Islam, maka mereka mencari kesamaran dan gelap, supaya jangan manusia ketahui akan taktik mereka, dan orang Mukmin dan orang yang amanah tiada takutkan manusia.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

## MAKLUMAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos memaklumkan orang ramai bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos Filipina telah meminta jabatan ini supaya jangan menghantar kepada mereka surat-surat biasa dan berdaftar yang ditutup dengan pita perekat (adhesive tapes) yang tidak memaparkan nama, tanda, cap atau tandatangan pengirim untuk mengesahkan sekatan.

Dengan hal yang demikian, semua surat-surat bagi Filipina yang tidak memenuhi peraturan ini tidak akan dihantar mulai 27 Julai 1985.

# JANGAN DIRENDAH-RENDAHKAN SYIAR ISLAM

MARILAH kita sentiasa bertakwa kepada Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Kita selalu mendengar akan perkataan bersyukur kepada Allah. Dengan erti kata yang ringkas bersyukur kepada Allah itu ialah menyebut-nyebut dan mengiktiraf akan kemurahan serta kebesaran Allah, menaruh rasa kasih terhadapnya dan taat kepada-Nya sepenuh jiwa raga. Maka orang yang bersyukur ialah orang yang lidahnya sentiasa memuji-muji Allah serta mengiktiraf akan nikmat-nikmat Allah, hatinya sentiasa penuh dengan rasa kasih terhadap Allah disertai dengan mengiktiraf bahawa segala nikmat-nikmat itu adalah limpah kurnia Allah dan jiwa raga pula sentiasa taat serta berserah kepada Allah.

Difahamkan daripada pengertian ini maka bersyukur kepada Allah itu adalah sebahagian daripada ibadat yang dituntut oleh Allah dan mempunyai hubungan dengan iman. Firman Allah di dalam Surah al-Baqarah ayat 172 bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman, makanlah kamu daripada rezeki yang baik-baik yang telah kami kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kamu kepada Allah sekiranya kamu benar-benar hanya beribadat."*

Oleh yang demikian dalam kita menikmati kesejahteraan itu maka yang paling utama sekali ialah kita wajib bersyukur kepada Allah.

Dalam hubungan ini, bersyukur kita kepada Allah tidaklah lengkap dan sempurna dengan hanya menyebut-nyebut nikmat serta memuji-muji kemurahan Allah. Tetapi hendaklah disertai dengan sikap tidak mempersia-siakan nikmat yang dikurniakan-Nya itu iaitu dengan menghargakan serta mempergunakan nikmat itu sepenuhnya menurut sepatutnya. Tegasnya nikmat-nikmat Allah itu janganlah diampai-ampaikan dan janganlah disambaranakan kerana mengampai-ampaikan dan menyembaranakan nikmat itu adalah dinamakan oleh Allah sebagai kufur nikmat yang pasti akan membawa azab sengsara. Sementara menghargakan dan mempergunakan nikmat menurut yang sepatutnya itu nescaya akan dibalas oleh Allah dengan menambahkan lagi nikmat itu.

Beberapa ramai dalam sejarah orang-orang yang dikurniakan oleh Allah nikmat-nikmat itu terutama secara khusus kita maksudkan nikmat-nikmat dunia yang berupa kekayaan dan kedudukan, jika mereka itu sedar menggunakan nikmat-nikmat itu sebagai jambatan mendapatkan keredaan Allah maka selamatlah mereka. Jika tidak celakalah. Kecelakaan tidak akan terjadi jika manusia yang mendapat nikmat itu masih tahu batas-batas yang mesti dilaluinya, batas-batas syarak' tidak dilimpasinya, iman dan kesedarannya terus tebal bahawa semua nikmat itu bukanlah karya tangan dan otaknya tetapi limpah kurnia Allah Taala. Jika Allah tidak berkehendak maka tiada akan berlaku semua itu, tiada daya upaya dan kekuatan bagi makhluk Allah melainkan semuanya itu takluk di bawah kuasa-Nya. Mengapa kita masih lupa ini?




Jadi, sesiapa jua yang mendapat nikmat janganlah lupa kepada Allah, jangan perkecilkan suruhan-suruhan-Nya, jangan buat tidak tahu mengenai larangan-Nya, perhatikan dan ikut semua itu. Jangan dimain-main ugama, jangan direndah-rendahkan syiar Islam, sokong dan hidupkan terus dakwah kebajikan, jangan sekat-sekat, Allah Taala murka. Sehari dua, setahun dua atau banyak tahun perkara ini mungkin tidak apa-apa terjadi ingatlah bahawa Allah itu tidak pernah tidur dan tidak pernah lupa, bukankah di dalam Al-Quran ada petunjuk bahawa kadar masa Allah memberi tempoh umat-umat yang derhaka itu tidak tentu, ada yang sekejap dan ada yang lama baru dihukum-Nya bahkan ada yang sampai beratus tahun baru karasahan setelah mendapat bala. Inilah yang kita pinta siang dan malam supaya Allah tidak mendatangkan apa-apa kesusahan kepada kita lebih-lebih lagi dalam keadaan kita tiada sedar atau hanyut dibawa gelombang kederhakaan terhadap-Nya. Marilah kita sama-sama berdoa mudah-mudahan kita menjadi bangsa yang taat dalam negara kita yang merdeka ini bahawa ketaatan kepada Allah itu adalah suatu ciri yang wajib yang turun-temurun kita warisi dan hasilnya pun terang membawa keberkatan kepada kita dan generasi kita.

# Kesabaran merupakan mahkota iman

## *Menuju keredaan Allah*

DI DALAM menempuh penghidupan di alam fana ini adalah diibaratkan sebagai putaran roda, sekali putarannya ke atas dan sekali ke bawah. Tatkala putarannya ke atas diibaratkan kita adalah insan yang bahagia, disanjung, dihormati, disegani, segala kata dapat dikota. Segala hajat terkabul, segala perintah dipenuhi, segala kemahuan dan cita-cita dituruti. Pandangan luas dan terang, rasanya gunung dapat dipeluk, lautan dapat dijengkal. Tatkala putaran roda membawa ke atas itulah rasanya keberuntungan yang tidak dapat dikira, disamping godaan dan fitnah bertalu-talu, galah dan bantai digunakan orang untuk menjolok supaya kita meniarap. Untuk merasakan betapa cemasnya jika berada dalam putaran roda yang di bawah maka tatkala itulah sifat sederhana perlu diamalkan, jangan lagaknya setinggi awan seolah-olah air yang dikandung awan itu tidak akan jatuh ke bumi menjadi hujan. Kalau sifat kesederhanaan menjadi pakaian, tumbangnya akan bersulai, gugurnya akan bersambut, kenangan demi kenangan maka kenangan baik jualah disebut.

Betapa agaknya kalau insan merasa hidup di dalam putaran roda di sebelah bawah, malam tidak pernah menjelma siang. Apa yang dikata haram tidak bersahut, apa yang dihajat haram tidak terkabul, apa yang diminta menjadi kempunan, kasau dilangui amat tinggi, bumbung dipandang merawan hati, awan dipandang menyilau mata, mata merah berair darah, bersuara seperti guruh didengar, meminta hingga menyembah hasilnya seranah-sumpah. Itulah kehidupan jika giliran putaran roda yang paling di bawah, harapkan siang malam yang tiba, tiada cahaya, hidup di dalam pekat kegelapan. Dalam keadaan insan seperti itu, kesabaran adalah menjadi mahkota hidup. Itu adalah ujian Allah. Diujinya dengan kelaparan, ketandusan, kekurangan hasil tanaman dan harta benda. Sebab kita adalah kepunyaan Allah, segala-galanya dari Allah. Berfirman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 yang bermaksud: *"Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dengan (merasai) kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."*

Menyentuh apa yang kita perkatakan, hidup ini umpama putaran roda, maka ajaran yang diberi oleh Allah ada dua perkara iaitu tatkala berada di kemuncak yang tinggi. Hiduplah bersederhana pada segala-galanya. Jika berada di tingkat bawah hadapilah dengan penuh kesabaran sebab kesabaran itu dikatakan mahkota iman. Siapakah golongan orang-orang bersabar itu? Lalu Allah selanjutnya menerangkan dalam ayat yang bermaksud: *"Iaitu mereka orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."*

Orang-orang yang sabar ialah apabila mereka ditimpa oleh suatu kesusahan, mereka tidak menjadi panik. Mereka tidak hilang semangat bahkan mereka langsung teringat kepada Allah kerana kita datang dari Allah, kita kepunyaan Allah. Segala-galanya dari Allah maka kembalinya juga kepada Allah





DAYANG Majemmah Castro

MAJLIS pengislaman bagi Awang Abu Farhan Cadogan Edwards dihadiri sama oleh YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan dan YDM Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman, Menteri Pembangunan (gambar kiri).

# Memeluk Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua majlis pengislaman telah dilangsungkan di dua tempat yang berasingan. Bertempat di Pusat Dakwah Islamiah telah dilangsungkan pengislaman seorang gadis Filipina Marry Jean S. Castro di hadapan Dayang Hajjah Zahrani binti Haji Wasli, Guru Ugama di pusat tersebut.

Dayang Marry Jeans S. Castro berumur 24 tahun dan memilih nama Islamnya sebagai Dayang Majemmah Castro (Abdullah).

Sementara itu pada 6 Ogos, bertempat di Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Berakas telah diadakan majlis pengislaman bagi sepasang suami isteri iaitu Awang George Ernest Cadogan Edwards dan Dayang Wing Shek Pui

Cadogan Edwards.

Awang George Ernest Cadogan Edwards telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abdul Saman bin Kahar, Timbalan Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam dan memilih nama Islamnya sebagai Awang Abu Farhan Cadogan Edwards bin Abdullah.

Isteri beliau pula telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Normah binti Kassim, Pembantu Perkembangan Ugama, Bahagian Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam dan kini dikenali sebagai Dayang Siti Aminah Shek Pui binti Abdullah.

# Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21 Ogos, 1985 hingga ke hari Selasa 27 Ogos, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| *HARI BULAN* | *ZUHUR* | | *ASAR* | | *MAGHRIB* | | *ISYAK* | | *IMSAK* | *SUBUH* | | *MATA-HARI TERBIT* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | | *Mulai* | *Berakhir* | |
| Ogos | | | | | | | | | | | | |
| 21–25 | 12.27 | 3.44 | 3.45 | 6.34 | 6.35 | 7.45 | 7.46 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.14 | 6.15 |
| 26–27 | 12.26 | 3.42 | 3.43 | 6.32 | 6.33 | 7.43 | 7.44 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.13 | 6.14 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.**

# 9 ORANG ANGGOTA TENTERA UDARA TERIMA LENCANA JURUTERBANG

BERAKAS. — Sembilan orang anggota Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menerima lencana dan sijil pada pagi Jumaat lepas.

Majlis penyampaian itu telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah Tentera Udara ABDB, Leftenan Kolonel Pengiran Dato Seri Laila Jasa Abidin bin Pengiran Ahmad di Hanger Skuadron Pertama Tentera Udara ABDB, Berakas Garison di sini.

4779 Staf Sarjan Mahdili bin Idris telah dipilih sebagai Juruterbang Terbaik 1984 -1985 dan menerima sebuah pewter manakala 6397 Sarjan Yusof bin Haji Mustafa, pula dipilih sebagai Crewman Terbaik 1984 - 1985.

Tiga orang anggota lagi menerima Lencana .Brevet Wing iaitu 6764 L/Kopral Ramli, 6948 Soldadu Lamit dan 6950 Soldadu Shahdan.

Mereka telah menamatkan latihan penerbangan selama empat bulan dan setelah itu menjalani penempatan selama enam bulan di Skuadron Pertama.

Tiga orang penerima Lencana Jurulatih Payung Terjun ialah 242 Leftenan Marlimin bin Momin, 4263 Pegawai Warran 2 Agan bin Haji Suldi dan 4411 Staf Sarjan Adli bin Md. Yusof.

Sementara 6401 Kopral Abdul Raduan Abd. Wahab telah menerima Sijil Tandatangan Pertama (First Signature).

Majlis itu telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Tentera Udara ABDB dan anggota pasukan itu dan diakhiri dengan jamuan makan.



PEGAWAI Memerintah Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Leftenan Kolonel Pengiran Dato Seri Laila Jasa Abidin bin Pengiran Ahmad menyematkan lencana kepada salah seorang penerima pada hari itu. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

## NAIK PANGKAT

BERAKAS. — Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam memaklumkan kenaikan pangkat kepada Yang Dimuliakan 19 Mejar Pehin Kesuma Diraja Haji Abdul Rahman bin Mustapha dari Unit Tentera Udara, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menjadi Pemangku Leftenan Kolonel mulai 1 Ogos 1985.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Kesuma Diraja Haji Abd. Rahman mula berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada 26 April 1966.



KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam di Bangkok telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang ke-39 tahun pada 15 Julai yang lalu. Majlis tersebut telah diadakan di Hilton International Hotel, Bangkok dan telah dihadiri oleh diplomat-diplomat asing, pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Thailand dan orang-orang kenamaan di Bangkok.

Gambar atas kelihatan Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Bangkok, Tuan Yang Terutama Dato Hamid bin Jaafar (no 3 dari kiri) bersama-sama dengan diplomat-diplomat asing dan pembesar-pembesar Thailand.

# ORANG-ORANG TUA LAWAT ABDB

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Seramai 35 orang-orang tua telah membuat lawatan ke Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di sini Khamis lepas.

Lawatan yang dianjurkan oleh Jabatan Pencen-Pencen Negara itu adalah antara lain bertujuan bagi mendekatkan pengetahuan dan pengalaman para pelawat dalam bidang ketenteraan.

Sejurus ketibaan mereka di sini, para pelawat telah diberikan taklimat oleh Penolong Pegawai Pengambilan, Kapten Dato Haji Bahar, mengenai perkembangan ketenteraan termasuk aspek-aspek serta tugas seorang perajurit.

Selepas mendengar taklimat, mereka kemudiannya dibawa melawat Muzium ABDB yang mempamerkan pelbagai peralatan tentera, gambar-gambar perkembangan penubuhan ABDB serta beberapa dokumen dan catatan mengenai kejayaan ABDB.

Turut di lawati mereka termasuklah Kompleks Lojistik, Workshop, dan Markas Tentera Udara di Perkhemahan Berakas.



PELAWAT-pelawat ketika menyaksikan peralatan senjata yang terdapat di Muzium ABDB. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

# 200 ORANG SERTAI PERADUAN KANAK-KANAK SIHAT

BELAIT. — Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei cawangan Belait sekali lagi menganjurkan Peraduan Kanak-kanak Sihat sempena sambutan. Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-39 tahun bagi daerah ini yang berlangsung di Dewan kemasyarakatan di sini pada hari Jumaat lepas.

Seramai 200 orang kanak-kanak telah menyertai peraduan yang terbahagi kepada empat kumpulan. Kumpulan 'A' iaitu kanak-kanak berumur dari empat kelapan bulan telah dimenangi oleh Dayang Siti Arfah Jailani, kedua Diana Andrew dan ketiga Dayang Siti Jurina Mohd. Don.

Johan dalam kumpulan 'B' iaitu kanak-kanak berumur lapan ke dua belas bulan ialah Dayang Bibi Khamisah Abd. Basheer, kedua Md. Iskandar Haji Jamil dan ketiga Ho Wern Ker.

Dalam kumpulan 'C' bagi kanak-kanak 12 ke 18 bulan, johan ialah Awang Md. Hassan bin Zaini, kedua Md. Suwardi bin Buhari dan ketiga ialah Osman Abd. Rahman.

Kumpulan 'D' iaitu bagi kanak-kanak 18 bulan ke dua tahun dimenangi oleh Dayang Salina Ali, manakala tempat kedua ialah Md. Shamsuldilah Abd. Manan dan ketiga ialah Rozeena Fadzillah Ibrahim.

Hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Dayang Zaleha Haji Omar, isteri Pegawai Daerah Belait.



DAYANG Zaleha binti Haji Omar, isteri Pegawai Daerah Belait, ketika menyampaikan hadiah kepada salah seorang peserta yang memenangi dalam peraduan kanak-kanak sihat bagi daerah itu. — Gambar oleh Harun Rashid.

## kursus

BERAKAS. — Pejabat Perjawatan kini sedang mengadakan Kursus Pengurusan kepada pegawai-pegawai kanan Dewan Bahasa dan Pustaka dan lain-lain jabatan kerajaan bertempat di Pusat Latihan Pejabat Perjawatan, pada 19 Ogos yang lalu dan akan berakhir pada Sabtu ini.

Penceramah-penceramah di kursus tersebut adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dari Institut Tadbiran Awam Negara, Malaysia (INTAN).

Kursus ini adalah atas kelolaan Unit Latihan, Pejabat Perjawatan dengan kerjasama dari Institut Tadbiran Awam Negara, Malaysia (INTAN).

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 21 Ogos hingga 27 Ogos 1985

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Kerajaan Serasa | 21.8.1985 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Mentiri | 21.8.1985 | Rabu | 10.45–11.15 .. |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 21.8.1985 | Rabu | 11.30–12.00 t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Batu Marang | 21.8.1985 | Rabu | 2.30– 3.30 petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Liang dan Lumut. | 22.8.1985 | Khamis | 10.00–11.00 pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 22.8.1985 | Khamis | 2.30– 3.30 petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan A. Hj. Md. Yussof Katimahar | 24.8.1985 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 24.8.1985 | Sabtu | 9.45–10.45 .. |
| Sekolah Rendah Kerajaan Mu'laut | 24.8.1985 | Sabtu | 11.00–12.00 t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Birau | 24.8.1985 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Kiudang | 24.8.1985 | Sabtu | 2.45– 3.45 .. |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lamunin | 24.8.1985 | Sabtu | 4.00– 5.00 .. |
| Sekolah Rendah Kerajaan Haji Md. Salleh Sungai Hanching | 26.8.1985 | Isnin | 8.45– 9.45 pagi |
| Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan | 26.8.1985 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah | 27.8.1985 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Anggerik Desa, Berakas | 27.8.1985 | Selasa | 10.30–11.30 .. |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap | 27.8.1985 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong | 27.8.1985 | Selasa | 3.30– 4.00 .. |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 27.8.1985 | Selasa | 4.30– 5.00 .. |

# rtb intisari minggu ini

### Radio Minggu Ini:

## JANGAN MARAH-MARAH

HELLO ....... ! Hello ...... ! boleh bercakap dengan Mr. Mak. Boleh ....... ! Ada apa ? Tentang bayaran ....... O ....... o ....... Itu.

Kenapa lambat ? Kenapa sikit ? Kenapa rendah ? Tak patut kalau dibandingkan dengan waktu sekarang. Semuanya mahal. Semua mahu bayar tinggi, beli yang itu pun mahu harga tinggi, tak ada yang mahu rendah lagi sekarang ... haaah ... !

Hello ... ! Ya ... sejak dulu pun sudah banyak dipersoalkan, sudah banyak diperkatakan, semuanya bertujuan sama. Mahukan bayaran tinggi. Itu tidak dapat disangkal.

Kita tahu dalam hidup dan kehidupan di dunia ini semua orang juga mahukan kesenangan, semua orang juga mahukan kemewahan. Tidak sesiapa pun yang dirinya inginkan kebodohan, kecelaan mahupun tertimpa musibah. Itu jauh dari keinginan manusia.

Apa sudahkah saudara terfikir ke arah itu ?

Bertolak dari arah inilah saudara, kita hidup ini harus berlandaskan batas-batas yang semestinya kita jalani untuk kita bertiti, iaitu kita ada pegangan, kita ada pendirian, kita ada peraturan dan tidak terkecuali pula ada undang-undang dalam kehidupan kita.

Maka di sinilah letaknya radio dalam menilai dan mengukur apa juga corak material, kewangan atau kebendaan itu berlandaskan ketetapan yang telah pun dimutlakkan.

Pembayaran skrip-skrip radio umpamanya. Orang radio tidak akan sesuka hati meletakkan sesuatu nilai skrip-skrip yang saudara hasilkan itu, melainkan menurut lunas-lunas yang telah pun diaturkan dan ditetapkan.

Soal tinggi rendah adalah tidak timbul ke arah ini, sebab kita berfikir secara universal bahawa alam fantasi penulis, alam fantasi pencipta sesuatu karya itu tidak akan ternilai dari seseorang ke seorang yang lain menurut daya kreatif yang diciptakannya itu.

Maka penulis yang benar-benar tulen tidak akan timbul desas-desus yang punca kewangan itu yang menyebabkan dirinya terasa tawar untuk berkarya. Yang penting kita selaku penulis harus berkarya sampai bila-bila.

Soal pembayaran dan bayaran itu cuma diukur atau dikira sebagai ihsan penawar sejuk untuk saudara, dan radio mengharap janganlah cuma kerana bayaran itu menjadikan diri saudara sebagai orang yang pemarah. Kata orang jangan marah-marah nanti lekas tua.

Hello ... ! sebelum beredar saudara, ingat-beringatlah kita, sumbangan karya saudara tetap radio alu-alukan sampai ke mana jua saudara berkarya.

### Sandiwara Radio:

## DALAM PENCARIAN

SEKALI lagi penulis A. Mohammad Timbang mengemukakan karyanya untuk siaran Sandiwara Radio Minggu Ini dengan' cerita yang berjudul DALAM PENCARIAN.

Seorang pemuda bernama Rasdi sedang menghadapi dua persoalan dalam satu masa. Pertama ia harus menunaikan permintaan isterinya yang mengidam hendak memakan daging pelanduk dan keduanya ia berhasrat hendak mencari ayahnya yang menurut cerita ibunya tidak diketahui hidup dan matinya, kerana ia hilang begitu saja dalam peristiwa pemberontakan yang berlaku dalam tahun 1962.

Walaupun telah puas memasang jerat, namun pelanduk yang dicari tidak juga dapat ditemui. Walaupun begitu ia masih bertekad akan terus mencarinya. Kedua-dua persoalan ini sering menjadi bahan fikirannya. Walaupun isterinya tidak begitu yakin ayahnya masih hidup, tapi ia masih berkeyakinan begitu lebih-lebih lagi setelah membaca berita peristiwa penemuan orang-orang yang sudah lama menghilang tiba-tiba muncul semula di tengah-tengah masyarakat melalui akhbar-akhbar luar negeri.

Satu hari Rasdi sesat di hutan ketika sedang mencari pelanduk. Kebetulan pula hujan lebat. Sedang ia berjalan akhirnya ia bertemu dengan sebuah pondok dan menumpang berteduh di sana. Setelah berbual-bual akhirnya Rasdi mendapati orang tua itulah ayahnya.

Benarkah orang tua itu ayah Rasdi ? Apa pula yang terjadi setelah Rasdi menemuinya ? Untuk mengetahui, silalah ikuti siarannya pada 25 Ogos, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abdul Rahman.

## PERTANDINGAN AKHIR MUTIKA 1985

PERTANDINGAN Akhir MUTIKA 1985 yang akan disiarkan secara langsung akan diadakan di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei pada hari Sabtu, 24 Ogos, mulai jam 8.30 malam.

10 orang peserta akan bertanding pada malam itu ialah Jainah Haji Othman, Suaidy Trokie, Mahmud Ibrahim, Kalsum Alli, Metussin Haji Laki, Salmiah Hj Hasbollah, Musa Mohd Daud, Tuminam Timbang, Serudin Kambar dan Siti Aisah Haji Abdul Rahman.

Artis undangan yang akan turut memeriahkan pertanding pada malam itu ialah pelakon dan penyanyi FAUZIAH AHMAD DAUD dari Malaysia (gambar kiri).

Kepada peminat-peminat seni suara tanahair dan orang ramai yang ingin menyaksikan pertandingan akhir itu bolehlah mendapatkan tiket-tiket percuma dari Bahagian Hiburan TV, Tingkat 3, Radio Televisyen Brunei pada waktu pejabat dibuka.

Datanglah beramai-ramai menyaksikan Pertandingan Akhir MUTIKA 1985 di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei.



**FAUZIAH AHMAD DAUD (Artis undangan)**



Jainah Haji Othman



Suaidy Trokie



Mahmud Ibrahim



Kalsum Ali



Metussin Haji Laki



Salmiah Haji Hasbollah



Musa Mohd Daud



Tuminam Timbang



Serudin Kambar



Siti Aisah

### Dari Pendengar Untuk Pendengar

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar keluaran minggu ini akan diisikan oleh peserta yang beralamat Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Peserta itu ialah Awang Zali P.B. Kepada awda yang meminati rancangan ini, jangan lupa untuk mengikuti lagu-lagu pilihannya hari Selasa 27 Ogos, 1985 jam 4.00 petang. Rancangan diterbitkan oleh Lina Ali.



SUARA Bintang-bintang, Penyanyi Harapan, Nada Pedoman dan Seloka Merpati adalah di antara rancangan-rancangn hiburan di radio. Semuanya rakaman rancangan hiburan ini dibuat di Studio A, yang mana dari semasa ke semasa melahirkan dan menampilkan bakat-bakat baru dan lama. Dalam gambar ini menunjukkan suasana rakaman dibuat di Studio A, di mana Dayang Salmaya Haji Mohd Husain sebagai suara solo dalam sebuah rakaman rancangan Nada Pedoman yang dirakamkan suatu masa dulu.

### Mari Memasak:

## ACAR IKAN MERAH

Bahan-bahannya :

- 1 ekor ikan merah atau tenggiri
- 3 biji lobak merah
- 3 biji timun muda
- 1 bungkus lobak manis
- 10 biji lada hidup hijau dan merah
- 5 biji bawang besar
- 1 cawan cuka makan
- 1 cawan gula pasir
- 1 bungkus rempah kari ikan
- 1 camca serbuk kunyit
- 1 cawan tomato sos
- 5 biji telur rebus
- 5 biji buah tomato
- 5 keping tauhu goreng
- Sedikit bijan

Bahan-bahan Tumis :

- 1 batang kayu manis
- 6 biji buah pelaga
- 6 biji bunga cengkih
- 3 biji bunga lawang
- 10 biji bawang merah kisar
- 10 biji bawang putih
- 20 biji lada kering
- 2 jari halia muda

minyak makan untuk penggoreng ikan, garam dan serbuk perasa ikut selera masing-masing.

Cara-cara Membuatnya :

Ikan dipotong-potong jangan terlalu kecil bersihkan dan perapkan bersama garam dan kunyit. Lobak merah, timun dan lobak manis dipotong kecil panjang-panjang, bawang besar dibelah empat, lada hidup dibelah dua jangan putus. Rendam sebentar dengan air kapur sirih lalu toskan. Panaskan periuk tumiskan bahan-bahan tumis dan masukkan bahan-bahan kisar serta kunyit dan serbuk rempah. Bila sudah agak-agak garing masukkan cuka, gula dan garam. Bila mendidih masukkan sayur satu persatu sehingga habis, barulah masukkan telur rebus dan ikan yang sudah digoreng, akhir sekali masukkan serbuk perasa dan lada hidup serta bawang besar.





SEJURUS selepas menyempurnakan
Yang Dipertuan dijunjung menyaksi
Belait (atas). Sementara gambar ka
Mukim bin Hassan semasa keberan

# KEB
# K

DAERAH Belait adalah merupakan
jadi fokas kunjungan keberangka
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Mu'izzaddin Waddaulah Sultan d
Brunei Darussalam pada minggu

Berangkat mengiringi keberang
itu ialah Duli Yang Teramat Mulia
Digadong Sahibul Mal Pengiran
Kebudayaan Belia dan Sukan me
Kewangan.

Semasa berangkat mengunjung
telah berkenan melakukan Istiada
Bangunan baru jabatan-jabatan k
seterusnya berkenan menanam s
da kenangan di pekarangan bang
kerajaan.

Sejumlah sembilan buah jabata
Penerangan, Jabatan Daerah, Jab
Perhutanan, Jabatan Tanah, Jaba



SEPERTI di lain-lain daerah, rakyat dan penduduk Daerah Tutong juga telah berpeluang beramah mesra dan junjung ziarah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Gambar atas kelihatan sebahagian dari 7,000 orang rakyat dan penduduk daerah itu yang menghadiri majlis jamuan di Istana Kota Mangelella berpeluang beramah mesra dan junjung ziarah kepada Baginda.

KEBERANGKATAN Baginda Yang Dipertuan ke bangunan baru Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Belait itu telah dialu-alukan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa yang kemudiannya memperkenalkan pegawai-pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan kerajaan kepada Baginda (kiri). Sepanjang keberangkatan Baginda itu Baginda diiringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia juga dijunjung berangkat melawat Pejabat Penerangan yang ditempatkan di bangunan baru itu. Gambar bawah kelihatan Baginda menyaksikan buku-buku terbitan jabatan berkenaan sambil diperhatikan oleh Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin.



SEMASA keberangkatan ke Maktab Anthony Abell, Seria, Baginda Yang Dipertuan berkenan menyaksikan eksperimen yang dilakukan oleh penuntut-penuntut sekolah berkenaan.









-jabatan Kerajaan Daerah Belait. Baginda bertempat di Dewan Raya Pejabat Daerah disembahkan taklimat oleh Awang Haji ...uruh.

# IGKATAN KEBAWAH D.Y.M.M. ERAH BELAIT

Gambar-gambar Ak. Abu Bakar PHO dan Ak. Bahar PHO

JURUTERA Kanan JKR, Awang Michael Ng ketika mempersembahkan taklimat mengenai projek pembangunan Daerah Belait (atas) dan Pegawai Penanaman Jabatan Perhutanan, Awang Haji Johari mempersembahkan taklimat mengenai penggunaan alat menanda kayu ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Imigresen termasuk Kad Pengenalan dan Warga Negara, Jabatan Buruh dan Cawangan Perbendaharaan, ditempatkan dalam bangunan baru itu. Manakala 10 buah jabatan lain iaitu Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kehakiman, Perkhidmatan Pos, Kenaziran, Audit, Unit Perancang Ekonomi, Muzium-Muzium dan Bahagian Sukatan dan Timbangan ditempatkan di bangunan lama.

## RANCANGAN KEMAJUAN KE-4

Projek pembinaan bangunan baru jabatan-jabatan kerajaan menelan belanja sejumlah 8.75 juta ringgit. Ianya dibina di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-4 (1980 — 1984) dengan berbentuk ''Tradisi Melayu''

Di samping berkenan membuka rasmi bangunan baru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam selanjutnya berkenan mengunjungi tiga buah sekolah menengah.

Sepanjang keberangkatan Baginda ke jabatan-jabatan dan sekolah-sekolah, Baginda tidak jemu-jemu mengemukakan pertanyaan baik kepada kakitangan kerajaan, penuntut-penuntut sekolah mahupun rakyat dan penduduk di daerah itu.

Dengan demikian jelas menunjukkan yang Baginda sentiasa mengambil berat setiap perkembangan yang terdapat di sini.

## MENINJAU PERKEMBANGAN

Terdahulu sebelum ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat melakukan lawatan yang sama ke Daerah Temburong dan Daerah Tutong dua minggu lepas.

Keberangkatan Baginda ke ketiga-tiga daerah tersebut antara lain meninjau perkembangan projek-projek pembangunan yang diungkayahkan oleh Kerajaan Baginda, meninjau perkembangan pelajaran penuntut-penuntut di sekolah dan maktab, serta meninjau secara dekat perkembangan jabatan-jabatan kerajaan Baginda, selain mengurniakan jamuan-jamuan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Hari Puja Usia Baginda ke-39, sebagai penghargaan dan terima kasih Baginda.





MATA pelajaran pertukangan kayu turut menjadi perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa keberangkatan Baginda ke Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait (atas).



AWANG Nico van Dijk, Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Sendirian Berhad menyampaikan taklimat mengenai sesuatu semasa Baginda dijunjung berangkat ke pameran khas syarikat berkenaan yang diadakan di bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Belait yang baru itu.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 21 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FULLOVER: "Frog" & "Cloth"
5.00 ANIMAL IN ACTION: "Mobile Homes"
5.30 FAMILY TIES: "Auntie Up"
6.00 BERITA AWAL
6.05 INSPECTOR GADGET
6.30 TEKA TEPAT
6.35 AZAN MAGHRIB
6.45 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TWO MARRIAGES: "Friendship"
7.46 AZAN ISYAK
7.52 TWO MARRIAGES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 RENCANA KHAS: Tsukuba Expo 1985 — Bhg. 2
9.35 HUNTER: "Snow Queen" Bhg. I Sally Lapone ialah seorang party girl membekal minuman Coke ke satu parti di mana terdapat segala jenis minuman dan dadah pernah dikenali.
10.35 BUFFALO BILL
11.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 22 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WORDS AND PICTURES
6.00 BERITA AWAL
6.05 WORLD ALIVE: "Wilderness Life Cycle" Perubahan cuaca dapat dicerminkan dengan kehidupan seharian binatang-binatang seperti beruang hingga ke tikus, dari helang hingga kepada landak.
6.30 A WHOLE WORLD OF CHILDREN: "USA and UK"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.45 A WHOLE WORLD OF CHILDREN — sambungan



ROBERT Ginty berlakon sebagai MacRiley dalam siri HAWAIIAN HEAT — ditayangkan setiap hari Khamis kira-kira jam 9.35 malam. Esok episodnya berjudul: Yanks and The Cubs.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FINDER OF LOST LOVES: "Tricks"
7.46 AZAN ISYAK
7.52 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 HAWAIIAN HEAT: "Yanks and The Cubs" Andy dan Mac terpaksa berlagak sebagai dua suami yang sangat menyintai "isteri" mereka ketika membuat satu penyiasatan yang penuh dengan risiko.
10.35 WAYNE AND SHUSTER: "The Chippendales" Bhg. 2
11.00 TAYANGAN GAMBAR (ITC): "Tattered Web"
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 23 OGOS

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.55 THE TRADITIONAL WORLD OF ISLAM: "Nomad and City"
1.25 ITALIAN SOCCER: Milan vs. Juventos Verona vs. Roma

PETANG

3.15 THE YEARLING: "Shining Star"
3.45 AZAN ASAR
3.49 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
4.20 KONONNYA: "Si Paloi"
4.45 E. R.
5.10 CHILDREN'S ISLAND
5.30 PROFILES OF NATURES:
5.50 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.35 AZAN MAGHRIB
6.45 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 AIRWOLF: "Proof Thru The Night" Apabila operasi seorang perisik rahsia Amerika di Russia hampir terdedah, Hawke dan Santini terbang ke sana untuk membawanya keluar.
7.46 AZAN ISYAK
7.50 AIRWOLF — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA TVRI: "Apa Yang Kau Cari Adinda?" Bhg. 2
9.55 MAGNUM: "Professor Johnathan Higgins" Higgins gembira menunggukan ketibaan saudara sepupunya yang akan mengahwini seorang keturunan dari keluarga tertentu di Hawaii.
10.45 DALLAS: "Terms Of Estrangement"
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 24 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DANGER MOUSE
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAINBOW: "Ponds, Puddles And Pools"
6.30 I DREAM OF JEANNIE: "One Jeannie Beats Four Of A Kind"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.45 I DREAM OF JEANNIE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "A Little Wine With Murder"
7.46 AZAN ISYAK
7.50 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 PERTANDINGAN MUTIKA 1985 PERINGKAT AKHIR (Siaran Langsung Dari Dewan Raya)
11.00 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Dalam Lingkaran Cinta"
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 25 OGOS

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 MUSICAL
12.27 AZAN ZUHUR
12.31 MUSICAL — sambungan
12.45 TAYANGAN GAMBAR: "High Risk"

PETANG

2.15 ALVIN AND THE CHIPMUNKS
2.40 BENSON: "Hello, We Must Be Going"
3.15 TRAPPER JOHN M.D.: "A Fall To Grace"
3.45 AZAN ASAR
3.49 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
4.00 CHILDREN'S SPECIAL: "Cougar" Bhg. 3
4.30 WUKUF DI ARAFAH
6.00 BERITA AWAL
6.05 321 CONTACT: Space/Tuesday
6.25 CHARLES IN CHARGE: "Discipline"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.45 CHARLES IN CHARGE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FLYING DOCTORS
7.46 AZAN ISYAK
7.50 THE FLYING DOCTORS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 RENCANA KHAS: 10 Tahun Pusat Latihan Pertanian
9.05 SELEKTA DANGDUT
9.35 HAND AND EYE: "Against Oblivion — Stone And Metal"
10.05 IT TAKES TWO
10.30 JESSIE: "Valerie's Turn"
11.20 FOX MYSTERY THEATRE: "The Sweet Scent Of Death" Bhg. 2
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 26 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SMURFS: "Hogatha's Heartthrob"
5.00 MIGHTY ORBOTS: "The Hewel Of Tragon"
5.30 SEA URCHIN
6.00 BERITA AWAL
6.05 IN SEARCH OF THE PAST "Egypt — Pharaohs And Pyramids"
6.30 TEKA TEPAT
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS KING: "Spider Web"
7.44 AZAN ISYAK
7.48 SSARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 TAKBIR HARI RAYA AIDILADHA
9.05 PERUTUSAN HARI RAYA AIDILADHA
9.15 LIPUTAN NASIONAL
9.45 HARI MEMASAK: "Acar Ikan Merah" Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
10.15 GIVE US A CLUE
10.40 DOCUMENTARY: River Journeys "The Mekong" William Shawcross membawa kita mengembara melalui Sungai Mekong bermula dari Bandar Ho Chi Minh (dulunya Saigon) hingga ke kuil-kuil Angkor Wat di Tasik Tonle Sap. Rancangan ini mempaparkan kehidupan sehari-hari di Vietnam dan Cambodia sejak tahun 1975.
11.30 BERRENGERS: "Fame And Misfortune"
12.20 TAKBIR HARI RAYA AIDILADHA
12.50 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 27 OGOS

PAGI

6.45 PEMBUKAAN
6.50 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
7.00 SUSUNAN RANCANGAN
7.10 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG HARI RAYA AIDILADHA DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.10 TAKBIR HARI RAYA AIDILADHA
8.40 NADASARI
9.35 DOCUMENTARY: "Comet"
10.00 HIBURAN TEMPATAN
10.50 ANIMATION: "Oliver Twist"

TENGAH HARI

12.00 TAYANGAN GAMBAR INGGERIS: "Star Trek"
12.36 AZAN ZUHUR
12.30 TAYANGAN GAMBAR — sambungan

PETANG

1.20 STAR WARS HOLIDAY SPECIAL (ulangan)
2.10 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Mekanik"
3.43 AZAN ASAR
3.48 ALPHABET 200
4.10 AMATEUR NATURALIST (Siri baru) "Matchbox Manageria"
4.30 THE LITTLES
4.50 HIBURAN TEMPATAN: Anekaria"
5.50 NATURAL WORLD: "Secret Weapons"
6.00 BERITA AWAL
6.05 NATURAL WORLD — sambungan
6.20 TITIAN NADA/MUTIARA
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 TITIAN NADA/MUTIARA — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DRAMA TEMPATAN: "Begitu Kehendak Tuhan"
7.44 AZAN ISYAK
7.48 DRAMA TEMPATAN — sambungan
8.35 WUKUF DI ARAFAH
9.05 ARENA SUKAN
9.30 MALAM ASEAN
10.30 MIKE HAMMER: "Deadly Prey"
11.20 SIARAN TAMAT.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Siaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.45 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 21 OGOS

PAGI : 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI : 1.30 — Seloka Merpati.

PETANG : 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Forum (SU), 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM : 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS 22 OGOS

PAGI : 9.00 — Lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI : 1.30 — Hiburan Petang.

PETANG : 2.00 — Sekitar Masyarakat, 2.30— Muzika Tanahair (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM : 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 23 OGOS

PAGI : 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Muzika Tanahair, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutika '85 Separuh Akhir siri 6, 11.30 — Bimbangan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI : 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG : 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Penyanyi Harapan, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM : 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Rampaian Malam, 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Cerpen dan Salukan.

## HARI SABTU 24 OGOS

PAGI : 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI : 1.30 — Seloka Merpati (SU).

PETANG : 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.15 — Soalan Di Udara, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM : 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Suara Bintang-Bintang (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 25 OGOS

PAGI : 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15—Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI : 12.00—Tahniah Dua Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG : 2.00 — Sekitar Masyarakat (SU), 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM : 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 26 OGOS

PAGI : 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30— Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI : 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG : 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara Iskandar Jauhari (siri ke-5), 5.45 — Senandung Senja.

MALAM : 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama, (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 27 OGOS

PAGI : 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.45 — Radio Minggu Ini.

TENGAH HARI : 1.30 — Hiburan Petang.

PETANG : 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastera (SU), 3.30 — Sukmaria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM : 7.00 — Hiburan Malam, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 —Forum, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 37th Aldeburgh Festival: Horszowskiat Snape (side 1 of 3)
9.00 Perspective
9.30 Talking About Music — 264/270

### THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Sixty-Minute Theatre: Edwin by John Mortimer
9.30 Jazz at The Questors: Geoff Castless Orchestra (Prog. 5 side 1 of 3)

### FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

11.00 Islam In Daily Life: Acceptance of Islam — 1/13
11.15 Light Music from the Netherlands — 675
11.30 Children's Half Hour by Azizah Abdullah

NOON

12.00 BBC Scottish Radio Orchestra — 4/6.

P.M.

12.45 My Music — 364/436.
1.15 Book Club: The Dream Women by Wilkie Collins 1/3
1.30 Just for variety by duty announcer.
2.45 Fifteen-Minute Theatre: Taurus — a comedy about horoscopes by Sam Smith
3.00 Calling On You by Ak Hishamuddin.
4.00 Chinese programmes.
8.00 Islam In Daily Life: Acceptance of Islam (repeat)
8.15 The World of Books.
8.45 Thirty-Minute Theatre: A Cry ...... almost a scream by Jane Boeson.
9.30 Its All Yours ...... (repeat)

### SATURDAY

P.M.

8.00 Hits In Germany
8.30 Animal, Vegetable or Mineral — 35/46.
9.00 Hawaiian Melodies
9.30 Top of The Pops — 1082.

### SUNDAY

A.M.

11.00 It's All Yours ...... produced by Ak Hishamuddin
11.30 37th Reith Lectures—minds, brains and science by John Surle — 5/6.

NOON

12.00 The Barry Forgie Big Band Sound with Elaine Delmar — 3/10.

P.M.

12.45 Review of the Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1082 (repeat).
1.30 Weekend Greetings by Hassan Haji Sha'ari
2.30 Just for variety by duty announcer.
4.00 Chinese programmes.
8.00 37th Reith Lectures—minds, brains and science — 5/6 (repeat)
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 12/60.
9.30 Those Were The Days — 26/26.

### MONDAY

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: Loventhal's Blues by Derrick Buttress.
8.45 Shakespeare: The Actor's View — Sara Kestelman talks about Macbeth — 20/24.
9.30 The Palm Court Trio — 2/6

### TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Nick Lowe And His Cowboy Outfit — side 2.

### DAILY

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana (relayed from the Malay Service).
7.00 Brunei's AM, Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence
7.30 Local News.
7.35 Tide Times presented by Azizah Abdullah.
7.36 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays. Prayer time announcement.

P.M.

2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays.
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays.
9.15 News.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENDAFTAR TANAH

(Di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan)

(Bil.: 99/1985-1)

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) i) Calon-calon mestilah mempunyai kelulusan Higher National Diploma atau yang sebanding dengannya sebaik-baiknya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal tanah.

ATAU

ii) Calon-calon yang mempunyai 4 mata pelajaran Peringkat Biasa dan telah berkhidmat tidak kurang dari 5 tahun dalam bahagian III bagi jawatan yang berkaitan dengan Jabatan Tanah juga akan dipertimbangkan.

b) Pengetahuan yang luas dalam sistem Pendaftaran Tanah Torrens adalah mustahak dan calon-calon hendaklah mempunyai serba sedikit pengetahuan dalam kerja-kerja menggunakan komputer dan hendaklah bersedia untuk menjalani latihan lanjut pengendalian komputer agar dapat mengeluarkan arahan-arahan pengguna kepada kakitangan di Jabatan Tanah bagi memproses permohonan-permohonan melalui Daftar Tanah secara komputer.

c) Pengetahuan yang luas mengenai susunan pentadbiran dalam Pejabat Tanah adalah juga diperlukan.

d) Calon-calon akan dipilih daripada mereka yang lulus menjalani ujian bertulis yang disediakan oleh Ketua Jabatan.

**Tugas-tugas:**

a) Pendaftar Tanah akan bertanggungjawab ke atas semua kerja pendaftaran termasuk pengeluaran geran-geran baru bagi permohonan-permohonan tanah yang diluluskan dan tanah-tanah yang telah dipecah, membuat catatan • (caveats) dan pembatalan geran kerana pengambilan balik tanah, pendaftaran sebarang halangan di atas tanah, pendaftaran bahagian masing-masing pemilik-pemilik tanah, pendaftaran penukaran syarat khas tanah, penyambungan tempoh pajakan tanah dan lain-lain.

b) Menyelia kakitangan di bahagian pendaftaran termasuk pengendali-pengendali Terminal Komputer dan memperkemaskan semua bahan-bahan utama yang melibatkan daftar tanah serta untuk memproses permohonan-permohonan tanah melalui komputer.

c) Menyediakan laporan yang tetap kepada Pesuruhjaya Tanah mengenai kemajuan-kemajuan semasa semua permohonan - permohonan tanah dan butir-butir pindah milik serta menyedia laporan sejarah Daftar Tanah menurut keperluan-keperluan yang ditetapkan untuk dimasukkan dalam Kertas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet.

2. PEGAWAI LUAR KEMAJUAN PERUMAHAN

(Di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan)

(Bil.: 99/1985-2)

**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1280-2270 sebulan. Gaji permu'aan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Lulus sekurang-kurangnya peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei (Peringkat Biasa) dalam sebarang 3 mata pelajaran.

b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam jawatan bergaji bulan atau hari serta pernah membuat kerja-kerja luar yang berhubung dengan tugas-tugas Rancangan Perpindahan.

c) Keutamaan akan diberi kepada pegawai bergaji bulan atau hari yang sedang bertugas di Bahagian Perpindahan Jabatan Kemajuan Perumahan dan berpengalaman menjalankan tugas-tugas seperti berikut:—

i) Membantu Pegawai Perpindahan membuat kerja-kerja Rancangan Perpindahan.

ii) Membantu Pegawai Perpindahan membuat kerja-kerja Perhubungan Awam.

ATAU

d) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat yang tidak mempunyai kelayakan tersebut di atas tetapi telah memegang jawatan Kerani Tingkatan III tidak kurang dari 10 tahun dan pernah menjalankan atau bertanggungjawab dalam kerja-kerja luar atau teknikal dan mempunyai kebolehan yang istimewa dalam melaksanakan kerja-kerja mereka akan juga dipertimbangkan.

3. PEGAWAI ISTILAH

(Di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan)

(Bil.: 99/1985-3)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) i) Mempunyai kelulusan Diploma di bidang yang bersesuaian dari Maktab/Institusi yang diakui.

ATAU

ii) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam kerja-kerja bahasa boleh juga dipertimbangkan.

b) Mempunyai inisiatif untuk merancang kerja-kerja bagi kemajuan dan perkembangan bahasa.

c) Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

d) Menguasai bahasa Inggeris dan bahasa ketiga adalah diberi keutamaan.

4. PENYUSUN PROJEK

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 99/1985-4)

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5— $1990-$2970 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Hendaklah berumur tidak kurang dari 21 tahun.

b) i) Calon-calon hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang-bidang pengajian yang bersesuaian di peringkat Higher National Diploma (HND) atau pun kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

ATAU

ii) Calon-calon hendaklah terdiri dari Pegawai/Kakitangan Kerajaan di dalam Bahagian III yang telah pun berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam Bahagian III ini, telah pun ditetapkan dalam jawatan, dan mempunyai pengalaman dalam jurusan penyusunan projek dan pentadbiran yang berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik serta mempunyai laporan pernilaian prestasi kakitangan yang memuaskan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

a) Menyediakan bahan-bahan statistik untuk penganalisaan projek.

b) Membuat penaksiran bangunan.

c) Mengendalikan pentadbiran projek.

d) Menggumpul data-data projek yang diarahkan.

e) Bersedia menerima sebarang tugas pada bila-bila masa termasuk hari-hari kelepasan Awam.

5. MERINYU METER KANAN

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 99/1985-5)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebu'an.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Mempunyai kelulusan TEC Higher Certificate dalam bidang yang bersesuaian.

ATAU

b) Calon-calon mestilah sekurang-kurangnya mempunyai 5 tahun pengalaman praktikal dalam kerja-kerja pemeriksaan, pemasangan, pengujian dan penafsiran tenaga letrik.

Tugas-tugas:

a) Melatih pembaca-pembaca meter dalam bidang pemasangan letrik supaya mereka boleh mengendalikan kerja-kerja pemeriksaan dengan sempurna.

b) Melatih Merinyu Meter mengenai dengan cara-cara pengunaan alat-alat penyukatan (Measuring) dan melatih cara-cara mengendalikan penilaian KVA.

c) Menyelia kerja-kerja pembacaan Meter.

d) Memberikan nasihat kepada orang ramai mengenai dengan cara-cara penggunaan tenaga Elektrik yang ekonomi dan selamat.

6. PEMBANTU TEKNIK KANAN

(Di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan)

(Bil.: 99/1985-6)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebu'an. Gaji permulaan bergantung kepada ke'ayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak lebih 45 tahun.

b) Pemohon mestilah sekurang-kurangnya lulus 5 mata pelajaran peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya.

c) Pemohon mestilah mempunyai pengalaman praktikal sekurang-kurangnya 5 tahun menyelia kerja-kerja tapak pembinaan dan kejuruteraan dan boleh membuat pelan Bangunan/Kejuruteraan Awam.

d) Pemohon yang tidak mempunyai kelulusan tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 7 tahun dalam Pembantu Teknik, boleh membaca Pelan Bangunan/Kejuruteraan Awam serta boleh menaksir lukisan-lukisan Binaan juga akan dipertimbangkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 15 September, 1985.

(E/765/85)

(Bil. Iklan: 99/1985)

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1 PEMBANTU TEKNIK KANAN

(Di Jabatan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

(Bil.: 104/1985-1)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan. Gaji permu'aan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur tidak kurang dari 21 tahun.

b) Mestilah mempunyai kelulusan City and Guilds Technician Certificate (T3) atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 6 tahun dalam salah satu bidang yang berikut:—

i) Pemeliharaan alat-alat hubungan radio (HF hingga UHF);

ii) Pemeliharaan alat-alat 'digittal electronic':

iii) Pemeliharaan alat-alat 'Microwave';

vi) Mengetuai satu kumpulan pekerja-pekerja membuat kerja-kerja di luar memasang alat-alat seperti radio, antenna system, AC Generators dan sebagainya.

ATAU

c) Mestilah mempunyai kelulusan Ordinary National Diploma atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam salah satu bidang seperti yang disebutkan di para (b) i, ii iii dan iv di atas.

ATAU

d) Mestilah mempunyai kelulusan City and Guilds Technician Certificate Parts II dan III (T5) atau yang sebanding dengannya dalam bidang yang berkaitan seperti yang disebutkan di para (b) i, ii, iii, dan iv di atas.

ATAU

e) Mestilah mempunyai kelulusan Higher National Certificate atau yang sebanding dengannya dalam bidang-bidang yang berkaitan seperti yang disebutkan di para (b) i, ii, iii dan iv di atas.

f) Caon-calon yang mempunyai kelulusan-kelulusan dan pengalaman yang bersesuaian yang mencukupi serta mempunyai quality dan mempunyai minat untuk berkhidmat dengan Jabatan Polis Diraja Brunei adalah mendapat keutamaan.

2. KETUA PEGAWAI TEKNIK

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)

(Bil.: 104/1985-2)

**Tanggagaji:** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Calon-calon mestilah mempunyai kelulusan yang berikut:—

a) Telah lulus Sijil Teknik Telekom atau yang diakui sebanding dengannya, serta sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman sebagai Pegawai Teknik Kanan atau jawatan yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Telah lulus Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND).

c) Pemohon yang mempunyai Sijil Teknologi penuh City and Guilds merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Perancang Radio dan Pemancaran:

Membantu dalam merancang perkembangan rangkaian kerja pemancaran termasuk kedua dua alat PCM dan FDM. Pengetahuan dalam perancangan dan pengawalan frekuensi radio dikehendaki.

b) Pemeliharaan Radio dan Pemancaran:

Pengawalan operasi dan pemeliharaan gelombang mikro, PCM, FDM dan semua sistem pembawa termasuk alat VFT.

c) Perancang Radio Pengguna:

Penilaian alat PABX jenis baru dan taksiran kehendak-kehendak pelanggan dalam pemasangan PABX dan skim pendawaian blok dalam bangunan, Perancangan semua pemasangan PABX.

d) Pemeliharaan Radio Pengguna:

Pengawalan menyeluruh pemeliharaan Radio Pengguna termasuk alat PABX.

e) Pemasangan Radio Pengguna:

Pengawalan menyeluruh pemasangan Radio pengguna termasuk alat PABX.

f) Perancangan Kabel Bawah Tanah:

Perancangan terperinci skim pembahagian kabel termasuk kadar anggaran untuk tiap-tiap projek kabel.

g) Perancangan Ibusawat:

Membantu perancangan rangkaian kerja suis.

h) Pemeliharaan Ibusawat:

Penyelenggaraan dan pemeliharaan semua jenis Ibusawat terutama SPC.

i) Pemeliharaan Stesen Bumi:

Penyelenggaraan dan pemeliharaan Stesen Bumi.

3. PENSYARAH PERTANIAN

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

(Bil.: 104/1985-3)

**Tanggagaji:** B.2 atau B.2 EB.3—$2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak melebihi 50 tahun.

b) Calon-calon hendaklah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Pertanian) atau yang sebanding dengannya atau serta mempnyai Diploma Pendidikan dalam bidang Pertanian dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman mengajar dalam mata pelajaran pertanian.

c) Pengalaman perladangan adalah merupakan satu kelebihan.

4. JURUEKO PERTANIAN

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

(Bil.: 104/1985-4)

**Tanggagaji:** B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak melebihi 50 tahun.

b) Calon-calon hendaklah mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pertanian dalam jurusan Agronomi) dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan padi. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai Ijazah Lanjutan M. Sc (Penyelidikan) atau Ph. D dalam jurusan Padi bahagian Agronomi Permakanan (Nutrition).

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Membantu dan menjalankan tugas-tugas Ketua Bahagian semasa ketiadaannya jika diarahkan.

b) Menjalankan penyelidikan mengenai "Agronomic and Nutritional Aspects of Rice" bagi jenis-jenis tempatan dan jenis-jenis yang didatangkan dari luar negeri

c) Bertanggungjawab untuk memberi bimbingan atau kursus-kursus kepada pegawai-pegawai rendah.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 23 September 1985.

(E/444/77)

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL.: PPL/31/1985**

Tajuk kerja: MENGGANTI UNIT FAN COIL DAN MEMPERBAIKI PENGASINGAN BAGI PAIP AIR PENYEJUK HAWA DINGIN DI RUMAH SAKIT SURI SERI BEGAWAN, KUALA BELAIT.

Tarikh tutup: 9 September, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $500.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" sahaja (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/130/1985**

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN KERJA-KERJA ALAT PENGATUR HAWA DINGIN DI RUMAH KEDIAMAN MENTERI PEMBANGUNAN DAN MENTERI PELAJARAN DAN KESIHATAN DI JALAN GADONG UNTUK MASA TIGA TAHUN.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cagaran: $200.00

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/131/1985**

Tajuk kerja: RAWATAN DAN PEMELIHARAAN LOGI HAWA DINGIN DI JABATAN KERJA RAYA, BAHAGIAN AIR, TASEK LAMA, JABATAN PENERANGAN, JABATAN KEMAJUAN KERJASAMA, JABATAN SUKATAN DAN TIMBANGAN DAN JABATAN PENJARA LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN UNTUK MASA TIGA TAHUN.

Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00

Kelayakan: Kelas A dan B (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/132/1985**

Tajuk kerja: PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN PENGATUR HAWA DINGIN MULTI SPLIT UNITS DI PEJABAT BIRO MENCEGAH RASUAH, KUALA BELAIT.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/135/1985**

Tajuk kerja: RAWATAN DAN PEMELIHARAAN LOGI HAWA DINGIN DI STESEN [illegible] DAN PEJABAT PENGANGKUTAN [illegible] KAMPONG [illegible] NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: [illegible] 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: [illegible]

Kelayakan pemborong: K[illegible]

las "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/139/1985**

Tajuk kerja: RAWATAN DAN PEMELIHARAAN LOGI HAWA DINGIN DI MAKTAB PERGURUAN UGAMA, SEKOLAH ARAB LELAKI DAN PEREMPUAN JALAN TUTONG, PEJABAT PENERANGAN & BUMBUNGAN 12 JALAN KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

**BIL.: PPL/MTB/144/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 28 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO KAMPONG SUNGAI SIAMAS (KAMPONG AYER) VIA INSTALLATION OF 4 NOS. 35 FEET TUBULAR STEEL POLES.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL.: PPL/MTB/145/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF GLS LAMP BULBS.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.

Cengkeram: $300.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/146/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF FLOURESCENT FITTINGS.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.

Cagaran: $300.00

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/155/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 4 September, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO 9 NOS. CONSUMERS AT KAMPONG SERDANG, JALAN KOTA BATU VIA INSTALLATION OF 10 NOS. POLES AND 5 NOS. STAY RODS.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut ada'ah $100.00.

**BIL.: PPL/MTB/147/1985**

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 4 September, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO MALAY SCHOOL AT KAMPONG SUNGAI SIAMAS (KAMPONG AYER) VIA INSTALLATION OF 3 NOS. 35 FT. TUBULAR STEEL POLES.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

## AGRICULTURE DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following vehicles and equipment to Jerudong Park.

1) 1 NO. LANDCRUISER STATION WAGON
   - a) Six cylinder petrol engine, not less than 4000 cc.
   - b) Long wheel base
   - c) Four wheel drive
   - d) Fitted with airconditioner
2) 2 NOS. LANDROVER
   - a) 4 cylinder petrol engine not less than 2500 cc.
   - b) Long wheel base
   - c) Four wheel drive
   - d) Hardtop roof
   - e) Fitted with airconditioner
3) 1 NO. AGRICULTURAL TRACTOR
   - a) 3 cylinder diesel engine — direct injection
   - b) Fitted with front end counter weights
   - c) Fitted with sunshade canopy
   - d) Fitted with hydraulic linkage for trailer.
4) 1 NO. AGRICULTURAL TRACTOR
   - a) Heavy duty 4 x 4
   - b) 4 cylinder direct injection OHV diesel engine
   - c) Fitted with air-conditioned safety cab
   - d) Fitted with baloon tyres.
   - e) Fitted with hydraulic linkage for tai'er.
5) 1 NO. WHEEL LOADER
   - a) Power shift transmission
   - b) 4-stroke-cycle, 3304 turbo charged diesel engine (4 cylinder) with 24V direct starting
   - c) Araction tyre-tubless, nylon-dozer design
   - d) Sunshade canopy
   - e) 3 in yd general purpose Bucket c/w teeth.
6) 1 NO. 9-GANG MOWER
   - a) Standard 5-blade Blitzer Gang mower (frame combination)
   - b) 21' 2" width
   - c) Extra tow bar to be provided (same specification)

All vehicles are to be painted in Jerudong Park colours with the words "JERUDONG PARK" (not more than 4") on both sides and on the rear of the vehicle if appropriate.

Tenders should be sent in a p'ain envelope marked "Tender Transport and Machinery Jerudong Park". Tenders shou'd be placed in the Tender Box situated on 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan not later than 1200 hours 27 August 1985.

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Pemberitahuan Tawaran Stor-Stor Dan Perbekalan Negara

**BIL.: 25/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 September, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam.

ARMCO GALVANISED CORRUGATED INTERCHANGEABLE NESTABLE PIPE COMPLETE WITH ACCESSORIES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL.: 26/1986**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 September, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam.

SUPPLY OF BONE CHINA CROCKERY TO NORITAKE PATTERN 2108 'TIARA' OR EQUIVALENT. ARTICLES TO BE CRESTED WITH BRUNEI DARUSSALAM CREST IN RED.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bo'eh'ah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbeka'an Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA

**BIL.: 13/1985**

MEMBEKALKAN KITAB-KITAB/BUKU-BUKU PELAJARAN UGAMA UNTUK TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat pada hari Isnin, 2 September, 1985 jam 12.00 tengah hari untuk membekalkan kitab-kitab/buku-buku yang tersebut di atas untuk Sekolah-Sekolah Ugama Jabatan Hal Ehwal Ugama.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang tertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat mestilah ditanda dengan perkataan 'TAWARAN MEMBEKALKAN KITAB-KITAB/BUKU-BUKU PELAJARAN UGAMA UNTUK TAHUN 1986'.

3. Penerangan lanjut dan borang tawaran boleh diperolehi dari Kerani Tingkat I (Tawaran) Jabatan ini, tingkat pertama, bilik no. 205, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, pada bila-bila masa waktu bekerja.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Oktober, 1985..

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tida berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL : PROC/T/194/85
MEMBEKAL : ALTERNATOR
Cagaran : $200.00.

BIL : PROC/T/195/85
MEMBEKAL : MILITARY CLOTHING (SOCKS)
Cagaran : $200.00.

BIL : PROC/T/196/85
MEMBEKAL : FIREBALL DINGHY
Cagaran : $150.00.

BIL : PROC/T/197/85
MEMBEKAL : FLEXIBLE ANTENNA
Cagaran : $100.00.

BIL : PROC/T/198/85
MEMBEKAL : KEY BOARD
Cagaran : $300.00.

BIL : PROC/T/199/85
MEMBEKAL : SIGNAL GENERATOR
Cagaran : $200.00.

BIL : PROC/T/200/85
MEMBEKAL : STEP LADDER
Cagaran : $200.00

BIL : PROC/T/201/85
MEMBEKAL : RADIO SPARES
Cagaran : $300.00.

BIL : PROC/T/202/85
MEMBEKAL : ENGINE ASSY L/R
Cagaran : $200.00

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 293 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' dan 'B' (pemasang hawa dingin) untuk:

PROJEK No.: AD426/2801
PASANGAN HAWA DINGIN BAGI CADANGAN PERKHIDMATAN PENERIMAAN PERUBATAN DAN PUSAT KEMUDAHAN PERGIGIAN DI PERKHEMAHAN PENANJONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 2 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $200.00 (lukisan).

### BIL: JKR 294 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" (Pemasang Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD426/1901
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN BANGUNAN PENGAWAL DAN BALAI BOMBA DI PENANJONG CANTONMENT UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 2 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 295 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang mahir sahaja untuk:

PROJEK No.: AD426/3601
PAMASANGAN PENGAWAL API BAGI CADANGAN TAMBAHAN BENGKEL RAPIER, KAWASAN PENYIMPANAN SHELL DUCK LOJISTIK, DI PENANJONG UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 296 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' dan 'B' (Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD426/3601
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN TAMBAHAN BENGKEL RAPIER, KAWASAN PENYIMPANAN SHELL DUCK LOJISTIK, DI PENANJONG UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 297 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" (Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK No.: 424/1601
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN GELANGGANG SQUASH KEMBAR, DI PERKHEMAHAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 299 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/12000
MENGUBAHSUAI TANDAS, SINK, DAPUR DAN BILIK MAKAN DI STESEN BALAI BOMBA, BATU ¼, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 298 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR407/0901
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR CORE DRILLING LOS ANGELES ABRASION ROTARY SEPERATOR DAN MARSHALL TESTING MACHINE UNTUK MAKMAL TANAH DAN KONKRIT, JABATAN KERJA RAYA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 300 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AW/01800
KAWALAN SERANGGA DAN BINATANG TIKUS, BANDAR SERI BEGAWAN, PUSAT TINGKATAN ENAM, SEKOLAH PERTUKANGAN, PERKHEMAHAN TENTERA BERAKAS, MUARA, PENJARA JERUDONG, PENANJONG TUTONG, KUALA BELAIT DAN SKIM SALURAN NAJIS SERIA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 301 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL099
PEMBINAAN PADANG PERMAINAN DAN PARIT KONKRIT TETULANG BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN SUNGAI HANCHING, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 302 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL068
PEMBINAAN DUA (2) BLOK X 4 UNIT RUMAH KELAS 'F' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN JUNJONGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 2 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 303 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900
CADANGAN MENGUBAH SUAI/MEMBAIKI ATAP DI BANGUNAN LAPAU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 2 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 304 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD426/2601
MEMBINA DAN MEYIAPKAN KOMPLEKS TUKANG CUCI PAKAIAN, JAHIT DAN GUNTING RAMBUT DI PERKHEMAHAN PENANJONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 2 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 305 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas dengan berpengalaman dalam kerja-kerja saluran najis untuk:

PROJEK No.: AD406/0801
KERJA-KERJA SALURAN NAJIS BAGI CADANGAN SEKOLAH MENENGAH KIUDANG DI JALAN KUALA ABANG, MUKIM KIUDANG, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 September, 1985.

Tarikh tutup: 9 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 306 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Tempatan dan Luar Negeri pakar kolam berenang yang berkongsi dengan pemborong mekanikal dan elektrik tempatan untuk:

PROJEK No.: 84AW/KBS004
TAWARAN SEMULA UNTUK PENGGANTIAN ALAT-ALAT FILTER DAN PEMBAHARUAN KOLAM BERENANG DI KAMPONG ANGGEREK DESA DAN PUSAT BELIA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 September, 1985.

Tarikh tutup: 16 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 307 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" (pemborong hawa dingin) untuk:

PROJEK No.: AD426/2901
PEMASANGAN HAWA DINGIN DAN PETI SEJUK BAGI CADANGAN KEDAI NAAFI KELAS "C" DI PENANJONG UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 308 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" (pemborong hawa dingin) untuk:

PROJEK No.: AD426/3601
PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK CADANGAN TAMBAHAN BENGKEL RAPIER, KAWASAN PENYIMPANAN SHELL DUCK LOGISTIK, UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DI PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 309 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/13905
KERJA-KERJA MEMBAIKI, MENCAT SEMULA DAN MEMBAHARUI STOR DI MAKTAB SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 310 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/DTM005
PEMBINAAN 2 BUAH BARIK UNTUK BURUH (TAMBAHAN), BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 311 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/DTM002
TAMBAHAN/UBAHSUAI BILIK PEJABAT DAN BILIK SYARAHAN BAGI BALAI BOMBA BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 312 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/PEL025
PEMBINAAN TANDAS 2 (UNIT) DAN TANGKI SALURAN NAJIS BAGI PERUMAHAN GURU-GURU YANG SEDIA ADA DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN RAMBAI, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 313 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/13910
PEMBAHARUAN RUMAH PANGSA JKR UNTUK STOR DI SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN RAJA ISTERI (S.T.P.R.I.), BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 314 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/PEL034 & 85AB/PEL075
MEMBINA STOR DAN TANDAS BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN KAMPONG TUNGKU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 315 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/PEL132 & 85AB/PEL134
PENUKARAN BILIK DARJAH YANG LAMA UNTUK MENJADI KLINIK GIGI DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN ABDUL RASHID, TANJONG MAYA, TUTONG DAN SEKOLAH RENDAH KERAJAAN MASIN, BRUNEI III, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 316 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/13815
PEMBINAAN SEBUAH GELANGGANG BOLA JARING UKURAN 50' X 100' BAGI SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUDA HASHIM, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 317 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AW/002
PEMASANG PAIP AIR 8" A.C. SEPANJANG JALAN JUNJONGAN, PERINGKAT III, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 318 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: 85AD/18800
KERJA-KERJA MEMPERTAHANKAN KAWASAN PANTAI DAN MENGAWAL HAKISAN TANAH DI PERKHEMAHAN BERAKAS — PERINGKAT I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 September, 1985.

Tarikh tutup: 9 September, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 319 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AB/14900
MEMBINA TEMBOK PENAHAN JENIS GABION DI SEPANJANG JALAN BUKIT PANCARAN TV, JALAN KOTA BATU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 320 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 85AD/RAM012
CADANGAN 4 BUAH KANDANG HAIWAN UNTUK PUSAT KLINIK HAIWAN DI JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 4 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 September, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL.: PROC/T/184/1985
MEMBEKAL: TRUCK ROADSWEEPER 4 x 2 LHD
Cagaran: $300.00.

BIL.: PROC/T/185/1985
MEMBEKAL: TRUCK 4 TON 4 x 4 RHD CARGO GS/HAIB
Cagaran: $300.00.

BIL.: PROC/T/186/1985
MEMBEKAL: TRUCK 4 TON 4 x 4 RHD CARGO GS
Cagaran: $1,000.00.

BIL.: PROC/T/187/1985
MEMBEKAL: TRACTOR INDUSTRIAL
Cagaran: $300.00.

BIL.: PROC/T/188/1985
MEMBEKAL: TRAILER 3/4 TON GS
Cagaran: $200.00.

BIL.: PROC/T/189/1985
MEMBEKAL: TRACTOR UNIT (ARTICULATED) 38 TONNE
Cagaran: $300.00.

BIL.: PROC/T/190/1985
MEMBEKAL: TRAILER LOW LOADER 30 TONNE
Cagaran: $350.00.

BIL.: PROC/T/191/1985
MEMBEKAL: STAFF CAR MERCEDES 200
Cagaran: $400.00.

BIL.: PROC/T/192/1985
MEMBEKAL: CAR UTILITY ASTRA 1300s
Cagaran: $300.00.

BIL.: PROC/T/193/1985
MEMBEKAL: VAN PANEL UTILITY
Cagaran: $200.00.

## MAKLUMAN

Kepada ABDUL LATIF BIN ABDULLAH
Kad Pengenalan No. 137083 Malaysia, yang berada di Sibu, Sarawak, Malaysia atau di mana-mana sahaja ianya berada.

### ISI MAKLUMAN

Saya ROSIMAH BTE ABDULLAH, isteri kepada ABDUL LATIF BIN ABDULLAH, mengaku di hadapan Kadi Daerah Belait, bahawa saya akan berlaku taat dan patuh kepada suami saya dan tidak akan berlaku NUSYUK (DERHAKA) kepada suami saya sebagaimana yang dikehendaki oleh hukum Syarak.

Kadi Daerah Belait,
Belait.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: KB 80 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk :

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 7 BUAH (14 UNIT) KELAS F JKR No. 64, 65, 66, 95, 96, 97 DAN 98 DAN 1 BUAH KELAS C JKR No. 151 DI BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN DI JALAN PEMANCHA, JALAN NAKHODA RAGAM DAN JALAN TEPI, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: KB 81 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk :

PROJEK: "CADANGAN MEMBERSIH DI KAWASAN TEPI PANTAI DAN TEMPAT PENGALIRAN AIR DI KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

## PENGUMUMAN JABATAN PERTANIAN

### Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Pusat Latihan Pertanian Sinaut

PUSAT Latihan Pertanian Sinaut akan menyambut hari Ulang Tahun Ke-10 pada 25 Ogos, 1985. Bagi memperingati hari yang bersejarah itu, Pusat Latihan Pertanian Sinaut akan mengadakan Hari Terbuka dan Pertunjukan Pertanian pada 25 dan 26 Ogos, 1985.

Majlis sambutan itu nanti akan dirasmikan oleh Yang Dimuliakan Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai adalah dipersilakan hadir ke Pertunjukan tersebut dan para peladang dan penduduk-penduduk di Daerah Tutong yang ingin menyertai pertunjukan itu, diminta menghantar hasil ladang, buah-buahan dan hasil kerja tangan mereka pada 24 Ogos, 1985 mulai jam 2.00 petang. Manakala sayur-sayuran dan bahan-bahan makanan seperti masak-masakan dan bahan yang diproses hendaklah dihantar sebelum 6.30 pagi pada 25 Ogos, 1985. Borang penyertaan, syarat-syarat dan peraturannya bolehlah diperolehi dari Pejabat Pertanian Daerah Tutong atau Pusat Latihan Pertanian Sinaut.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, melihat sekitar pantai perkelahan sejurus selepas merasmikan perayaan pesta pantai Lumut Ahad Lepas. Gambar oleh Rabaee Sabli.

# TEMPAT-TEMPAT BERKELAH PERLU DIJAGA — Dato Sidek

Oleh Ahat Haji Ismail

LUMUT. — Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya menasihatkan orang ramai yang sentiasa mengunjungi tempat-tempat peranginan (pantai) supaya menjaga kebersihan tempat-tempat berkenaan daripada dikotori.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam jelasnya, telah berusaha bersungguh-sungguh menyediakan pelbagai kemudahan asas yang diperlukan dngan tujuan memberikan keselesaan kepada setiap pengunjung.

Berucap semasa menjadi tetamu kehormat Pesta Pantai Lumut di sini Ahad lepas, Dato Paduka Awang sidek selanjutnya menyatakan setiap selesai sesuatu acara kita akan dapati sampah-sarap bertaburan di sana sini walaupun tempat-tempat pembuangan sampah sudah disediakan.

Keadaan sedemikian menurutnya tidak seharusnya berlarutan dan sebaliknya kita bersama-sama berazam bahawa melalui Pesta Pantai tersebut akan dapat dijadikan sebagai daya pendorong ke arah kebersihan.

"Marilah kita bersama-sama menaruh azam dan tekad yang kuat dengan menjadi Pesta Pantai pada pagi ini sebagai titik permulaan bagi kita untuk menjaga kebersihan supaya keadaan semula jadinya akan sentiasa terpelihara," jelasnya.

Dengan kerjasama seperti itu jelasnya lagi, pihak yang bertugas akan merasa yakin bahawa usaha sedemikian tidak akan sia-sia.

"Jadikanlah kerjasama yang akan kita berikan dalam menjaga kebersihan pada pagi ini sebagai satu daya pendorong pada melaksanakan usaha seperti ini pada masa-masa yang akan datang," katanya.

Pesta Pantai Lumut yang dikelolakan oleh Majlis Belia Daerah Belait itu adalah merupakan salah satu daripada acara sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke-39 tahun.

Sebanyak 39 acara telah diadakan dan dibahagikan kepada beberapa bahagian antara kanak-kanak, orang-orang dewasa dan orang-orang perseorangan.

## Pengecualian visa

Dari muka 1

jalanan pergi atau balik yang disahkan (confirmed onward tickets).

b) Kewangan yang mencukupi untuk membiayai sara hidup semasa melawat negara ini, dan

c) Mempunyai kemudahan-kemudahan kemasukan ke tempat tujuannya dan pulang ke negeri asalnya atau meneruskan perjalanannya ke sesuatu tempat tujuan di luar Negara Brunei Darussalam di dalam tempoh 14 hari bagi warganegara-warganegara Jepun, Peranchis, Switzerland, Republik Korea, Kanada dan 30 hari bagi rakyat United Kingdom dari tarikh ketibaan.

Adalah juga ditegaskan bahawa pengecualian visa bagi rakyat-rakyat atau warganegara-warganegara berkenaan hanyalah di hulurkan kepada mereka yang mempunyai tujuan melawat sahaja. Oleh yang demikian sebarang penyambungan tinggal bagi tempoh melebihi daripada yang ditentukan atau pertukaran tujuan kemasukan dari lawatan kepada lain-lain tujuan terutama untuk bekerja adalah tidak dibenarkan.

Jika kemasukan rakyat-rakyat atau warganegara-warganegara berkenaan mempunyai tujuan untuk tinggal di negara ini melebihi daripada tempoh yang dihadkan atau mempunyai tujuan untuk bekerja sebagai tanggungan dan lain-lain, kemasukan mereka itu adalah tertakluk kepada keperluan visa. Mereka yang sedemikian itu hanyalah dibenarkan masuk setelah mendapatkan kebenaran visa tertentu yang mana hendaklah diperolehi sebelum mereka tiba di negara ini.

## BRUNEI SERTAI OLAHRAGA ASEAN

BERAKAS. — Seramai 12 orang olahraga lelaki dan wanita yang dipilih dari berbagai sekolah telah berlepas ke Republik Singapura Ahad lalu bagi menyertai Kejohanan Olahraga Sekolah-sekolah ASEAN ke-9 di sini yang bermula kelmarin. Sukan selama tiga hari itu akan berakhir esok.

Sejurus sebelum berlepas, satu majlis penyampaian bendera negara telah berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas yang disempurnakan oleh Penolong Pengarah Pelajaran, Awang Haji Hamdani bin Haji Abdul Rahman.

Kejohanan ke-9 itu merupakan pertama kali disertai oleh Negara Brunei Darussalam.

Rombongan yang disertai oleh empat orang pegawai, menyertai acara-acara lari 100 meter, 200 meter, 800 meter, 1,500 meter, lari berganti-ganti 4 x 100 meters, lompat tinggi, lompat jauh, lempar cekra dan melontar lembing.



PENOLONG Pengarah Pelajaran, Awang Haji Hamdani menyampaikan bendera Negara Brunei Darussalam kepada ketua rombongan, Awang Haji Hussain bin Zainal. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## Hari terbuka ABDB

BERAKAS. — Perkhemahan Bolkiah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan melangsungkan hari terbuka pada hari Ahad 25 Ogos depan bermula dari jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari 1.30 hingga 4.30 petang.

Pada hari tersebut berbagai-bagai peralatan dan kelengkapan tentera akan dipamerkan antaranya termasuklah alat-alat elektronik, perkakas am dan teknikal, perhubungan; senjata; pakaian seragam; catuan, kenderaan dan jentera dan lain-lain lagi.

Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga akan menyerikan acara pada hari tersebut. Di samping itu ianya juga akan diserikan dengan permainan dan jualan kuih-muih. Tunjukcara dan kegiatan seperti kecemasan, kehidupan dan kegiatan rekrut dan tentera sehari-hari dan dalam masa hutan dan kegiatan masa lapang askar muda, latihan jasmani menembak dengan senjata ringan.

Orang ramai adalah dipersilakan hadir di hari tersebut.

## FILEM RENCANA

SEMPENA Ulang Tahun ke-10 Pusat Latihan Pertanian Sinaut pada 25 Ogos, 1985, Radio Televisyen Brunei akan menayangkan sebuah filem rencana mengenai pusat tersebut. Dokumenteri selama kira-kira 35 minit meneroka beberapa aspek kegiatan Pusat Latihan Pertanian Sinaut termasuk temuramah dengan beberapa orang bekas penuntut yang berjaya di bidang kerjaya masing-masing yang banyak hubungannya dengan pertanian. Pendedahan juga dibuat mengenai sejarah ringkas PLPS yang pada mulanya sebagai Pusat Pertanian Sinaut oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad dalam tahun 1965 ketika ianya menjadi pusat untuk projek pengajian pertanian pekebun kecil, hingga ianya berkembang sebagai Pusat Latihan Pertanian dalam tahun 1975 dengan kerjasama antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad. Filem rencana tersebut akan ditayangkan pada 25 Ogos, 1985 kira-kira jam 8.30 malam.

## Perlawanan bola tampar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bola Tampar Kebangsaan Negara Brunei Darussalam akan mengangjurkan Perlawanan Bola Tampar Terbuka seluruh negara 1985 dan 18 tahun ke atas.

Perlawanan itu terbuka kepada jabatan-jabatan Kerajaan, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan belia, badan-badan swasta, kelab-kelab dan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan.

Para pemain hendaklah terdiri dari warganegara Negara Brunei Darussalam atau yang bermastautin di negara ini sekurang-kurangnya selama lima tahun.

Menurut jurucakap persatuan itu, borang-borang penyertaan boleh diperolehi dari Haji Zulkifli Haji Laidin di Jabatan Radio Televisyen atau di kounter penyambut tetamu RTB.

Tarikh tutup penyertaan ialah 25 Ogos 1985 pukul 4.30 petang.

Sementara itu persatuan berkenaan akan mengangjurkan peperiksaan pengadil-pengadil bola tampar pada 25 Ogos depan bermula pukul 9.00 pagi di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh itu mereka yang berkenaan hendaklah berada di tempat dan tarikh yang telah ditetapkan bagi mengikuti peperiksaan tersebut.

Menurut jurucakap persatuan itu, kursus pengadilan itu telah bermula pada 28 Julai lepas dan masih berjalan hingga sekarang.



## Lulus dari Universiti Malaysia

SERAMAI sembilan orang graduan-graduan Brunei Darussalam yang menuntut di Universiti Malaya sesi 1982 — 1985 telah menerima ijazah mereka dalam satu Konvokesyen Universiti tersebut pada 10 Ogos yang lalu.

Mereka ialah Awang Haji Ahmad bin Kadi dan Dayang Mastura binti Haji Ismail kedua-duanya menerima Ijazah B.A. Hons Bahasa Melayu; Awang Mohammad bin Rajab dan Awang Salleh bin Mahmud masing-masing menerima Ijazah B.A. Hons Sastera.

Sementara tiga orang menerima B.A. Hons Budaya. Mereka ialah Dayang Arbi binti Muhammad; Awang Haji Md Yusof bin Bakar dan Awang Aliakbar bin Kalusah. Manakala Dayang Jita binti Jais menerima Ijazah B.A. Hons Linguistik dan Dayang Salmah binti Jaafar menerima Ijazah B.A. Linguistik.

Awang Aliakbar bin Kalusah dan Dayang Salmah binti Jaafar tidak termasuk dalam gambar atas.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.